**Jilid IV**
**Bil. 21**

**Hari Jumaat**
**26hb Julai, 1974**

MALAYSIA

# PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

## DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

## PARLIMEN KETIGA

*Third Parliament*

## PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT

*Fourth Session*

## KANDUNGANNYA


**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2545]**

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 2585]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Senjata (Pindaan) [Ruangan 2586]**

**Rang Undang-undang Pembasmi Malaria (Pindaan) [Ruangan 2596]**

**Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 2598]**

**Rang Undang-undang Pelajaran (Pindaan) [Ruangan 2631]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS [Ruangan 2641]**



DICETAK OLEH
MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR
1975

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

*Penyata Rasmi*

## PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Jumaat, 26hb Julai, 1974

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

" Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).

" Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).

" Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

" Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

" Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

" Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

" Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).

" Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

" Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

" Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).

" Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

" Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

" Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

" Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

" TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

" PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

" TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

" TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

" PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

" TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

" TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

" PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

" TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

" TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Petani).

" DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

" TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

" TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

" TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

" TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

" TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

" TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).

" DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

" TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

" TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

" TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).

" TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

" DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

" TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

" TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

" TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

" TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

" TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

" TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

" Tuan HOR CHEOK FOON (Damansara).

" TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

" DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).

" TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

Yang Berhormat TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

„ DATUK DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., J.M.N., P.J.K. (Kuantan).

„ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI BIN ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

„ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).

„ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).

„ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

„ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN, A.M.P. (Ipoh).

„ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

„ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

„ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

„ TUAN SU LIANG YU (Bruas).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).

„ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

Yang Berhormat TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

" TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).

" TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

## YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Kewangan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindastrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

" Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).

" Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

" Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

" Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

" Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

" Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

" Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).

" Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

" Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

" NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

" Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

" DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

" TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).

" TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

" TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

" DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

" CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

Yang Berhormat AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

" TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

" DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).

" TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

" TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

" TUAN JAWAN ANAK EMPALIENG (Rejang).

" TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

" DR LIM CHONG EU (Tanjong).

" DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).

" TUAN LUHAT WAN (Baram).

" TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

" TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

" TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

" TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

" TAN SRI MOHAMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

" TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

" TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

" DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

" TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

" TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

" TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubuk Antu).

" PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

" TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

" DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

" DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).

" WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

" TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

" TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

" TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).

" DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

" DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

## YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).

" Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).

# DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Rani bin Rahim.
Suhor bin Husin.
Ng Cheng Kuai.
Jamaludin bin Haji Ali.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Quah Mei Lan.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

# DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

# JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

## ARAK/SAMSU HARAM—JUALAN

**1. Tuan V. David** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah beliau akan ambil untuk menghapuskan perbuatan dan penjualan arak atau samsu haram memandangkan penggunaan yang makin bertambah terhadap minuman ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi jawapan kepada satu pertanyaan yang sama yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sitiawan pada 22hb Julai, 1974 dan saya tiada mempunyai apa-apa keterangan tambahan kepada jawapan yang telah diberi itu.

## ZON PERDAGANGAN BEBAS WELD QUAY

**2. Tuan V. David** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Zon Perdagangan Bebas di Pengkalan Weld di Pulau Pinang akan dimulakan dan sebab-sebab kelewatannya.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada masaalah-masaalah yang belum dapat lagi diselesaikan dan menimbangkan bahawa rancangan itu bukanlah merupakan satu perkara yang begitu mendesak, maka perkara ini mestilah ditawakkufkan buat sementara waktu.

**3. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad:** *Tidak hadir.*

## SIMEN/BATANG BESI—KAWALAN HARGA

**4. Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan:

(*a*) memandangkan bahawa simen dan batang besi disenaraikan sebagai barang-barang terkawal oleh Kerajaan, mengapakah harga barang-barang ini belum lagi dikawal di Sarawak; dan

(*b*) apakah langkah Kerajaan akan ambil untuk menentukan bahawa harga-harga bagi barang-barang ini tidak naik lagi.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Kawalan harga telahpun dikenakan ke atas simen dan batang-batang besi dan kawalan itu adalah di peringkat pekilang sahaja. Ini ialah memandangkan bahawa adalah sukar untuk mengawal harga bahan-bahan itu di peringkat pembahagi dan pemborong oleh sebab harga di peringkat itu adalah tertakluk kepada keadaan pasaran yang mana ditentukan oleh kedudukan bekalan dan juga permintaan. Bagi Negeri Sarawak soal mengawal harga di peringkat tersebut adalah lebih rumit oleh sebab kebanyakan bekalan simen dan batang-batang besi diimpot dari luar negeri yang mana ditentukan oleh keadaan bekalan di pasaran antarabangsa.

(*b*) Memandangkan kepada keadaan bahawa hanya batang besi dan simen di Sarawak tertakluk kepada keadaan antarabangsa, maka tidaklah dapat saya mempastikan turun naiknya harga bahan-bahan ini di Sarawak. Di samping itu untuk mengatasi soal kekurangan simen di Sarawak, Kerajaan telahpun meluluskan penubuhan satu kilang simen yang dijangka akan dapat menyalurkan sebanyak 200,000 metrik tan setahun bermula daripada tahun 1977. Untuk menampung kekurangan batang besi pula adalah dijangka bahawa rancangan-rancangan memperluaskan pengeluaran bahan ini apabila dilaksanakan dengan sepenuhnya nanti akan dapat membantu masaalah yang dihadapi oleh Sarawak itu.

## PERUSAHAAN PERIKANAN

**5. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menolong kaum nelayan membeli kapal-kapal penangkap ikan yang beratnya kira-kira 300 atau 400 tan untuk membolehkan

mereka pergi menangkap ikan tuna hingga ke lautan Hindi seperti yang dibuat oleh negeri-negeri Korea, Jepun dan Taiwan, jika tidak, beri sebab-sebabnya.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jafar):** Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan perusahaan perikanan di negeri ini mengambil bahagian dalam perusahaan menangkap ikan di Lautan dalam masih dalam kajian oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Dalam hal ini MAJUIKAN telah memperolehi perkhidmatan pakar-pakar dari Bank Pembangunan Asia yang akan membuat kajian mengenainya khusus bagi memajukan perusahaan perikanan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Cara seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan juga disiasat oleh pakar-pakar Bank Pembangunan Asia.

## SIARAN RADIO MALAYSIA

6. **Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa berbanding dengan siaran-siaran negeri-negeri Thai, British Broadcasting Corporation dan Singapura, siaran Radio Malaysia tidak dapat didengar dengan jelas di kawasan-kawasan Larut, Matang dan Selama. Jika sedar, nyatakan sebab-sebabnya dan sama tindakan dapat dijalankan supaya siaran-siaran Radio Malaysia dapat didengar dengan jelas di kawasan-kawasan Larut, Matang dan Selama.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat tidak jelas samada ditujukan kepada siaran gelombang sederhana atau di gelombang pendek. Siaran radio Malaysia dapat didengar dengan jelas di ketiga-tiga kawasan ini melalui gelombang pendek. Keadaan ini akan bertambah baik lagi, sebaik-baik sahaja alat pemancar 100 kw yang sedang dibina di stesyen pemancar Kajang siap pada akhir tahun ini. Sementara itu beberapa rancangan sedang dibuat oleh Kementerian ini untuk memperbaiki pendengaran siaran Radio Malaysia di kawasan ini. Bagi gelombang sederhana pula, maka satu stesyen pemancar 100 kw sudah dibina di Tronoh dan akan dimulakan pada pertengahan bulan hadapan. Selain daripada itu usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk memasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga cadangan-cadangan seperti mengadakan satu kuasa gelombang sederhana khas untuk kawasan Selama dan menambah lagi kuasa pemancar dari Pulau Pinang sebanyak 10 lagi.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Adakah Kerajaan bercadang untuk berpakat di antara 3 buah negara iaitu Singapura, Malaysia dan Thailand untuk bertukar-tukar rancangan supaya kita dapat melihat siaran talivisyen masing-masing?

**Tuan Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan itu telah lari daripada soalan yang asal, tetapi jawapannya belum ada lagi.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Mengikut jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan beberapa rancangan sedang dibuat, tetapi beliau tidak memberitahu bila rakyat di kawasan saya boleh mendengar siaran gelombang pendek dan gelombang sederhana dengan terang?

**Tuan Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan gelombang pendek sudah didengar, rancangan shortwaves memang terang di sana seperti yang saya katakan tadi. Rancangan medium waves kita kuatkan kuasa daripada Ipoh ke Tronoh. Kalau sampai ke sana barangkali kuat medium waves, begitu juga kita kuatkan kuasa dari Pulau Pinang, kalau sampai lebih baik lagi. Tetapi suatu rancangan khas di bawah pocket feeling akan diadakan di Selama untuk cover kawasan itu dan rancangan ini termasuk dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya bertanya bila rancangan gelombang pendek, gelombang panjang dan gelombang sederhana boleh didengar dengan terang? Timbalan Menteri yang berkenaan tidak duduk di kawasan saya dan tidak mendengar radio di kawasan saya, sebab itu dia tidak tahu masaalah rakyat di kawasan saya. Saya hendak bertanya sebab rakyat menyuruh saya bertanya kepada Menteri yang berkenaan, bilakah mereka boleh dengar dengan terangnya?

**Tuan Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah kata tadi bahawa rancangan short waves sudah berjalan dengan baik di sana, yang kita hendak perbaiki ialah medium waves, medium waves ini kita cuba daripada Tronoh 100 kw besar tetapi kita mengagakkan boleh sampai ke kawasan itu dengan baik dan yang 100 kw ini, insya Allah, berjalan pada bulan hadapan, sebelum pilihanraya.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Bila, lain tahun 1976?

**Tuan Shariff Ahmad:** Bulan hadapan! Barangkali, Yang Berhormat ini tidak faham perkataan "bulan hadapan" sebab bahasanya kelam-kabut.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan ini akan memberhentikan rancangan Talivisyen Malaysia daripada menyiarkan rancangan Gusti daripada Great Britain yang sangat tidak memberi puas hati kepada orang ramai?

**Tuan Shariff Ahmad:** Rancangan Gusti tidak kena-mengena dengan soalan ini, tetapi saya boleh jawab?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada kena-mengena tidak payah dijawab.

## TANAH KEPADA SINDIKET-SINDIKET—BEKUKAN

7. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kerajaan akan menimbang mengemukakan satu Rang Undang-undang untuk membekukan segala pemberian tanah kepada sindiket-sindiket dan syarikat-syarikat asing sehingga orang-orang Malaysia yang tidak bertanah dan memerlukannya telah diberi tanah.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohammed Asri bin Haji Muda):** Tuan Yang di-Pertua, soal mengadakan undang-undang untuk membekukan segala pemberian tanah kepada sindiket-sindiket dan syarikat-syarikat asing di Malaysia adalah merupakan soal dasar yang perlu diselidiki dengan sedalam-dalamnya dari semua sudut sebelum Kerajaan mengambil sebarang keputusan. Walau bagaimanapun, mengikut keadaan sekarang ini Kerajaan tidak perlu mengemukakan Rang Undang-undang yang seperti itu kerana permohonan-permohonan yang dibuat oleh sindiket-sindiket atau syarikat-syarikat asing itu mesti ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan-kerajaan Negeri atau oleh ajensi-ajensi Kerajaan yang lain yang berkenaan. Pihak Kerajaan mungkin dapat meluluskan permohonan-permohonan mereka itu sekiranya didapati projek-projek yang akan dibuka itu sesuai dengan kehendak rakyat dan Kerajaan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Negara.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sangat bertentangan dengan faedah rakyat jelata dan faedah negara apabila syarikat-syarikat asing atau sindiket-sindiket asing boleh dapat beribu-ribu ekar tanah dengan senangnya, padahal beratus-ratus ribu rakyat jelata yang tidak ada tanah dan perlukan tanah untuk mencari kehidupan. Untuk mengatasi masaalah-masaalah rakyat yang tidak bertanah, kalau Kerajaan tidak mahu membentangkan satu Rang Undang-undang membekukan tanah supaya tidak boleh jual kepada syarikat asing, bolehkah Kerajaan mengetatkan (restrict) pemberian-pemberian tanah kepada syarikat-syarikat asing dan orang-orang asing sehingga rakyat jelata boleh dapat tanah untuk tanaman dan untuk dapat kehidupan yang sempurna.

**Datuk Haji Mohammed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat asing yang memohon tanah itu ialah untuk projek-projek yang diluluskan oleh Kerajaan sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru Negara. Tidaklah sebarang permohonan syarikat asing itu ditimbangkan dan diluluskan dengan serta-merta sahaja. Adapun masaalah pemberian tanah kepada rakyat untuk bercucuk tanam, Kerajaan telah melakukan dengan sebaik-baiknya pada masa sekarang ini, banyak ajensi-ajensi yang telah melakukan seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain lagi. Demikian juga permohonan tanah pinggir, misalnya, melalui Kerajaan-kerajaan Negeri atau melalui Pejabat-pejabat Daerah dan sebagainya. Pertentangan antara keperluan memberikan tanah untuk projek pembangunan kepada syarikat asing dengan pemberian tanah untuk rakyat tidak pernah timbul sama sekali.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada dalam negeri ini tanah yang beribu-ribu ekar ada

diberi kepada syarikat-syarikat asing adalah diberi atas syarat-syarat bahawa contribution diberi kepada parti pemerintah. Untuk mengatasi dan memberhentikan semua misuse (salahguna) Khas, bolehkah Kementeriannya menubuhkan sebuah suruhanjaya penyiasat (commission of enquiry) untuk mesyuarat tanah itu dan menjamin bahawa tanah-tanah tidak diberi kepada syarikat asing yang mana untuk faedah, bukan sahaja kepada syarikat asing tetapi untuk parti pemerintah dan juga untuk rakyat jelata?

**Datuk Haji Mohammed Asri bin Haji Muda:** Ahli Yang Berhormat itu, mengaitkan soal menyalahgunakan kuasa sambil memberikan milik tanah kepada syarikat asing kononnya ada faedah-faedah yang didapati oleh parti pemerintah. Saya rasa dalam soalan ini tidak perlu ditubuhkan sebuah suruhanjaya khas memadai dengan alat-alat negara yang ada sekarang ini, ada BSN dan ada lagi Biro Pengaduan. Jika cukup bukti-buktinya silalah membuat pengaduan, dan kalau dibuat apa sekalipun, kalau tidak ada bukti, perkara itu dicakapkan diterbang oleh angin sahaja. Oleh itu, Ahli Yang Berhormat atau siapa sahaja boleh mengemukakan bukti dan pihak Kerajaan tidak akan berlengah-lengah lagi untuk mengambil tindakan, jika bukti itu cukup terang dan jelas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa NBI dan lain-lain ajensi yang ditubuhkan untuk mengambil tindakan terhadap perbuatan yang saya telah sebutkan ialah menyalahgunakan kuasa bahawa NBI dan ajensi-ajensi seperti itu tidak cukup kuasa untuk mengambil tindakan untuk mencegah atau stamp out semua perbuatan-perbuatan itu? Dan dengan sebab itu sangat segera (urgent) jikalau hendak stamp out semua perbuatan itu Kementerian Tanah mesti mengambil tindakan yang tegas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalannya? Beri kuasa lebih kepada NBI atau bagaimana?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak! Ini mengenai Kementerian Kemajuan Tanah menyalahgunakan kuasa iaitu memberi tanah kepada syarikat-syarikat asing dan tidak rakyat jelata.

**Datuk Haji Mohammed Asri bin Haji Muda:** Yang dikaitkan oleh Yang Berhormat itu, ialah soal menyalahgunakan dengan menerima faedah untuk kepentingan parti. Jadi kalau sekiranya Biro Siasatan Negara pun kita tidak dapat meletakkan kepercayaan, apatah lagi sebuah Kementerian hendak menubuhkan sebuah suruhanjaya seperti itu, lebih-lebih lagi tidak ada kuasa dan tidak ada kepercayaan kepada orang ramai. Apa yang perlu ialah rakyat harus memberi kepercayaan kepada alat negara untuk menjalankan keadilan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan yang akhir. Adakah Yang Berhormat Menteri berpendapat bahawa dalam negara kita mengenai pemberian tanah, baik kepada syarikat-syarikat asing atau kepada sesiapa tidak ada perbuatan corruption atau menyalahgunakan kuasa?

**Datuk Haji Mohammed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini, saya belum menerima sebarang pengaduan berkenaan dengan perkara itu.

## IKAN TELIPIA—KEMATIAN

8. **Tuan Richard Ho Ung Hun** minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar tentang siriusnya kecemaran alam sekeliling Selat Johor dan jika ya, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian beliau mengenai perkara ini.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa soalan Ahli Yang Berhormat itu dikemukakan oleh kejadian kematian ikan telipia yang sangat banyak yang berlaku baru-baru ini di Selat Johor. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum dan sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa kejadian kematian ikan-ikan tersebut bukanlah disebabkan oleh kecemaran tetapi disebabkan oleh pendedahan ikan tersebut daripada tempat pembiakan air tawarnya kepada air masin di Selat Johor.

Tetapi ini tidaklah bererti akan mustahaknya mengawal kecemaran di selat tersebut, Kementerian ini sedar terhadap masaalah pencemaran yang kian memburuk di selat tersebut. Sungai-sungai dan juga anak-anak

sungai daripada Negeri Johor dan Singapura mengalir ke dalam selat tersebut menyebabkan terkumpulnya berbagai-bagai kekotoran di dalam selat itu.

Kementerian ini telah memulakan perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan di Negeri Johor mengenai masaalah ini. Keseluruhan matlamat-matlamat bagi Selat Johor telahpun dipersetujui. Kajian-kajian awal sedang dijalankan untuk merangka satu pendekatan yang sistematik terhadap pengawalan pencemaran, di tempat itu.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar, adalah sukar bagi Malaysia bersendirian sahaja untuk melaksanakan sebarang kawalan ke atas pengaliran kekotoran-kekotoran ke dalam Selat Johor itu. Haruslah ada suatu kerjasama dan penyelarasan yang rapat di antara Malaysia dan Singapura mengenai hal ini. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah mengadakan perbincangan-perbincangan dengan Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan alam sekeliling di Singapura iaitu Encik Lim-Kim San dan mereka telah bersetuju bahawa kedua negara perlulah bekerjasama rapat mengenai perkara ini.

Sebaik sahaja kajian-kajian ini dijalankan adalah diharapkan untuk mengadakan mesyuarat di antara pegawai-pegawai daripada Singapura dan Malaysia di mana suatu matlamat yang sama dan suatu sistem untuk mengawal kecemaran dalam Selat Johor itu dapat dirangkakan.

**Tuan Yeoh Teck Chye:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri yang berkenaan sedar Singapura hendak buat satu nuclear reactor di Straits of Johor. Kalau ada bolehkah beritahu apakah tindakan Menteri hendak buat?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar mengenai perkara ini, dan kalau pun ada maksud Singapura berbuat demikian tentu dari segi untuk mengawal perkara ini di tempat itu akan dibawa kepada pihak-pihak yang tertentu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ikan telipia yang mati di Selat Melaka itu disebabkan oleh pollution. Di dalam penyiasatan Kementerian Tugas-tugas Khas, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan beritahu Dewan Rakyat ini, kenapa ikan telipia mati disebabkan oleh apa, kena ubatkah, kena penyakitkah atau kena apa?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tidak dengar jawapan saya tadi. Saya sebutkan ikan telipia mati di Selat Johor bukan di Selat Melaka.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, ikan itu mati di Selat Johor. Kenapa ikan telipia itu mati?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jawap tadi mengikut kajian yang telah kita buat, ikan telipia ini biasanya hidup di air tawar, apabila ia termasuk di dalam air masin, maka matilah ia.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Bagaimana ikan telipia begitu bodoh (*Ketawa*). Dari air masin dia pergi ke air tawar? Saya tidak mengerti bagaimana ikan telipia boleh berenang dari air tawar ke air masin?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Kalau hendak tahu jawapan yang sebenar, saya cadangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu cuba bertanya kepada ikan itu. (*Ketawa*) Bagaimana dia boleh lari daripada air tawar pergi ke air masin atau sebaliknya, mungkin ikan itu boleh jawab.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Ikan telipia yang mati itu di bawah tugas Menteri, bukan saya. Menteri mesti siasat, bukan saya. Kalau Menteri tidak tahu, bagaimana saya boleh tahu. Soalan tambahan saya ialah dalam Lapuran Menteri Tugas-tugas Khas ini, ikan itu dilepaskan oleh breeders keluar ke air masin betul atau tidak?

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Saya telah kata tadi, mengikut kajian kita ikan telipia ini boleh jadi terlepas dari tempat pembiakannya oleh kerana tembok pecah atau sebagainya, maka mengalirlah ikan itu ke dalam kawasan air masin.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Ikan telipia tidak bodoh. Dia tidak mahu campur dalam air masin. Saya rasa ikan telipia ini mati kena racun. Di dalam siasatan Kementerian adakah ikan ini makan racun?

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri susah hendak siasat, sebab ikan sudah mati.

## HARGA BARANG-BARANG TEMPATAN—KENAIKAN

9. **Tuan Edwin anak Tangkun** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sebab-sebab harga sayur-sayuran, ikan, ayam-itek dan telur serta lain-lain barang adalah tinggi pada hal barang-barang ini dikeluarkan dalam negeri dan tidak diimpot dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya barang-barang keperluan ini dijual dengan harga yang berpatutan.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga barang-barang keluaran sayur-sayuran, ikan, ayam dan telur baharu-baharu ini adalah kerana beberapa faktor. Pertama, kenaikan harga barang-barang ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan penggunaan yang bertambah ke atas semua barang dan perkhidmatan-perkhidmatan hasil dari pendapatan lebih tinggi dari ekspot getah, bijih timah, kelapa sawit dan balak. Kenaikan harga barang-barang yang tersebut itu, oleh hal yang demikian, merupakan sebahagian dari kenaikan harga barang-barang, perkhidmatan-perkhidmatan dan juga pengangkutan di negeri ini pada keseluruhannya.

Sebab yang kedua bagi kenaikan harga barang-barang makanan ialah kerana kenaikan harga impot pengeluaran, istimewanya impot seperti baja, bahan-bahan makanan ternakan, jentera dan juga kenaikan kos pengeluaran hasil-hasil pertanian pada amnya. Kenaikan harga pengangkutan oleh sebab krisis petroliam di seluruh dunia yang juga telah mempengaruhi harga kerana natijah kepada kenaikan perbelanjaan bagi pengangkutan.

Seperti Ahli Yang Berhormat maklum Kerajaan telah mengambil beberapa langkah mencegah inflasi termasuk mengadakan subsidi penggunaan melalui pembebasan cukai dan duti kastam bagi berbagai barang-barang keperluan seumpama minyak tanah, tepung, gula, beras, baja dan lain-lain serta juga kawalan harga beras yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan ini.

Dari kajian harga barang-barang yang dijual di beberapa pasar besar di Semenanjung Malaysia dan di Sarawak perubahan harga sayur-sayuran, ikan, ayam dan telur tidak begitu besar tetapi perubahan turun-naik adalah lebih kerap daripada seminggu keseminggu. Bagi mengatasi kesusahan suri-suri rumahtangga yang membeli sayur-sayuran dengan harga yang agak mahal sedikit itu kempen menggalakkan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan telah dilancarkan. Kementerian Pertanian dan Perikanan telah mengedarkan melalui Pejabat-pejabat Pertanian benih-benih sayur-sayuran sebanyak 60.000 peket. FAMA juga telah melancarkan projek percubaan berjual beli untuk menentukan harga sayur-sayuran tidak meningkat dengan berlebih-lebihan. Di bawah rancangan ini FAMA telah melibatkan diri dalam pembelian dan penjualan sayur-sayuran, ayam dan telur di samping hasil-hasil pertanian yang lain, menentukan sistem pengedaran yang lebih cekap bagi hasil-hasil itu supaya boleh mensetabilkan harga. Projek pembelian dan penjualan hasil-hasil tanaman sayur-sayuran telah dimulakan di Negeri Johor dengan harga yang lebih berpatutan oleh pengguna-pengguna di bandar Johor Bahru. Sekarang FAMA memperluaskan peranan pembelian dan pengedaran sayur-sayuran di dalam kawasan-kawasan yang mempunyai harga yang tinggi. FAMA juga sedang mengkaji kemungkinan mengambil langkah-langkah yang sama dalam pengedaran sayur-sayuran di kawasan-kawasn lain di Malaysia bagi mensetabilkan harga.

Harga ikan di pasar seperti yang disebutkan tadi sememang turun dan naiknya mengikut musim. Biasanya dalam musim tengkujuh manakala nelayan-nelayan tidak dapat keluar ke laut bekalan ikan adalah berkurangan dan harganya akan naik. MAJUIKAN telah melancarkan rancangan pemasaran guna mensetabilkan harga. Ia juga telah melibatkan diri di dalam perniagaan pembelian dan penjualan ikan dengan tujuan yang sama seperti aktiviti FAMA yang tersebut. MAJUIKAN telah mengadakan rancangan bantuan menjual runcit ikan di pasar besar Johor Bahru. Selain dari itu MAJUIKAN menjalankan usaha untuk memodenkan perusahaan perikanan dengan melancar dan mengendalikan sebanyak 169 unit bot-bot penangkapan ikan serta merancang kemudahan-kemudahan bekalan airbatu dan minyak serta juga bilik-bilik sejuk, untuk menyimpan ikan-ikan ini.

**Tuan Edwin anak Tangkun:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan saya ini berkenaan dengan harga telur, ayam ataupun sayur-sayuran di Negeri Sarawak, adakah Kerajaan bercadang supaya kita dapat menubohkan satu badan atau committee memeriksa harga barang yang melambung naik di Negeri Sarawak terutama sekali barang makanan di Negeri Sarawak pada masa sekarang?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang di dalam kajian FAMA. FAMA akan menjalankan gerakan ini untuk mengadakan pasaran di sana, sedang di dalam kajian.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui iaitu harga sayur-sayuran, ikan-ikan dan daging-daging yang disiarkan oleh radio kepada rakyat tidak diikuti oleh penjual-penjual. Adakah Kementerian sedar iaitu kedai-kedai tidak mengikut dan apakah langkah Kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telahpun mengambil atas perkara ini?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Ini saya tidak sedar, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada apa-apa boleh lapurkan kepada pegawai-pegawai FAMA di tempat dari mana Ahli Yang Berhormat itu dapat tahu perkara itu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Dalam ucapan Setiausaha Parlimen tadi ada mengatakan bahawa Kerajaan ada rancangan besar seperti FAMA dan lain-lain badan untuk menurunkan harga barang-barang makanan di seluruh Malaysia. Tetapi jikalau kita pergi ke kedai-kedai sekarang ini, kita dapati harga barang-barang tidak turun, dan bolehlah dikatakan rancangan Kerajaan tidak berjaya. Soalan saya ialah apakah rancangan baru yang ada lagi sekarang hendak menurunkan betul-betul harga barang-barang. Adakah rancangan baru?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan FAMA ialah menstabilkan harga, bukan menurunkan yakni sesuai dengan pendapatan rakyat pada masa ini dengan harga yang dikeluarkan oleh petani-petani sebab ayam, itek, sayur-sayuran dan ikan adalah pengeluaran daripada petani-petani. Biarlah mereka mendapat harga yang stabil pada hari ini. Bukan mesti turun sahaja, tidak. Kalau barang-barang lain harganya naik, pendapatan tinggi, maka kena diseimbangkan. Ini tujuan FAMA menstabilkan harga, bukan mesti turun sahaja.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya sangat bersetuju FAMA akan menstabilkan harga-harga barang tetapi jikalau kita mengikut perkataan "stabil", stabil itu maknanya tidak menaikkan harga tetapi harga barang-barang tidak stabil. Bagaimana dikatakan FAMA ada menstabilkan. Rancangan apakah ini?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau yang lain naik, dia tidak naik hendak jadi macam mana? Mesti hendak samalah, itu yang dikatakan stabil. Kalau Ahli Yang Berhormat ini hendakkan barang lain naik, barang-barang petani hendak turun, tidak boleh. Mestilah sama-sama naik, baru jadi!

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Jikalau kita bandingkan harga getah dengan harga makanan di Malaysia, harga getah selalu turun, tetapi barang-barang naik. FAMA ada rancangan hendak stabilkan harga-harga makanan, tetapi sampai masa sekarang rancangan untuk menstabilkan harga barang-barang tidak stabil. Saya hendak bertanya apakah sebabnya harga itu tidak boleh stabil?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah berapa kali bertanya, tetapi tidak mendapat jawapan!

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, dia pusing kanan dan pusing kiri (*Ketawa*). Saya hendak satu jawapan yang tepat. Ada stabil atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah jawab tadi.

**Tuan T. S. Gabriel:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Kementeriannya yang menetapkan harga atas sayur-sayuran, ikan-ikan dan daging. Jika tidak, Kementerian mana yang mengeluarkan harga itu?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Jikalau Ahli Yang Berhormat itu selalu mendengar radio, maka kita dapat tahulah bahawa FAMA yang mengeluarkan harga-harga yang ditetapkan mengikut pasaran-pasaran dan tempat-tempat yang ditentukan.

**Tuan T. S. Gabriel:** Apakah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, harga-harga ini tidak sama iaitu berbeza daripada satu negeri ke satu negeri. Apakah sebabnya kita tidak dapat harga yang sama di seluruh negeri?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak menyamakan memang susah. Ini terpaksa mengikut keadaan, seperti transport, berapa jauh barang itu ditanam, di mana hendak dibawa. Ini perkara saya rasa Ahli Yang Berhormat sendiri pun tahu, sahaja-sahaja hendak tahu agaknya.

## DEMAM DENGGI

**10. Dr S. Seevaratnam** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(*a*) angka yang kemaskini mengenai kes-kes yang disyaki mendapat demam denggi;

(*b*) kes-kes yang disahkan mendapat demam denggi;

(*c*) kes haemorrhagic; dan

(*d*) bilangan kematian akibat demam denggi; dan samada beliau sedar bahawa ugutan beliau untuk mendenda orang-orang yang bersalah kerana membiakkan nyamuk aedes adalah bermuka-muka kerana banyak sungutan bahawa tanah-tanah kosong Kerajaan sendiri menjadi tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Hingga 5hb Julai, 1974, 1,287 kes demam denggi haemorrhagic yang disyaki telah dilapurkan di Semenanjung Malaysia.

(*b*) Bilangan kes-kes demam denggi haemorrhagic yang disahkan, berasaskan kepada pemeriksaan darah atau serology, ialah 232 hingga ke 31-5-1974, keputusan-keputusan darah diambil selepas 31-5-1974 sedang ditunggu.

(*c*) Semua kes yang dilapurkan ada mempunyai tanda-tanda haemorrhagic atau berdarah yang berlainan teroknya.

(*d*) Bilangan kematian disebabkan oleh demam denggi haemorrhagic hingga 25hb Julai, 1974, ialah 85 orang.

Penggunaan undang-undang terhadap orang-orang yang bersalah kerana pembiakan nyamuk akan dijalankan tanpa takut atau pilih kasih dan Jabatan-jabatan Kerajaan juga tidak terkecuali.

**Tuan Yeoh Teck Chye:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri berkenaan sedar banyak kampung-kampung dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur seperti Kampung Cochrane, Kampung Pandan dan lain-lain menjadi tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes. Bolehkah beliau mengambil tindakan segera?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, bukan di kampung-kampung yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sahaja tetapi di kampung-kampung lain. Kementerian saya telah mengambil langkah seberapa yang boleh, tetapi saya merayu kepada penduduk-penduduk di situ supaya bekerjasama untuk menghapuskan nyamuk-nyamuk atau larvae yang dibiakkan di rumah dan sebagainya.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Apakah sebabnya nyamuk-nyamuk aedes ini cuma hendak menggigit orang-orang pekan, saya dengar dalam akhbar di Kuala Lumpur atau pekan-pekan besar sahaja. Mengapakah di kampung-kampung tidak terdengar penyakit ini. Adakah orang-orang kampung ini sudah immune dengan gigitan nyamuk aedes ini?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Jawapannya, Tuan Yang di-Pertua, tidak. Orang kampung tidak immune daripada penyakit demam denggi. Sebenarnya kampung-kampung mereka bersih, mereka tidak membuang botol-botol kosong yang saya sebutkan kelmarin. Akan tetapi di dalam bandar inilah satu penyakit yang boleh dikatakan satu penyakit di kawasan bandar.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Berkenaan dengan penyakit demam aedes (dengue fever), bolehkah Menteri memberitahu kepada Dewan Rakyat ini, mengikut rancangan sekarang yang dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan ialah menggunakan Swing fog machine, helicopter spraying machine dan low volume high pressure sprayers, memakai deadly insecticide. Saya harap rancangan-rancangan ini boleh menghapuskan nyamuk-nyamuk yang membawa penyakit denggi.

Soalan saya ialah bolehkah Menteri yang berkenaan memberi jaminan dalam Dewan ini pada masa akan datang rakyat di Malaysia tidak boleh kena penyakit itu lagi.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini bukanlah satu soalan yang senang dijawab, kerana Yang Berhormat sendiri tidak boleh menjamin berapa tahunkah ia akan hidup di dalam dunia ini. Dalam hal penyakit ini kita patutlah bekerjasama, kita hanya boleh menjalankan langkah-langkah seberapa yang boleh untuk mengawal, tetapi jikalau rakyat jelata tidak mahu bekerjasama, kawasan-kawasan sekeliling yang mempunyai banyak air seperti yang saya sebutkan pada hari kelmarin itu memanglah ada. Sungguhpun langkah untuk menghapuskan nyamuk aedes itu diambil akan tetapi selepas langkah itu barangkali 2 minggu atau 3 minggu nyamuk-nyamuk akan hidup lagi. Ini akan menimbulkan satu soalan lagi.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kementerian ada menjalankan rancangan. Adakah rancangan itu telah tamat atau akan dijalankan lagi?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di- rancangan ini akan dijalankan sekiranya di kawasan-kawasan tersebut didapati penyakit demam denggi. Kawasan-kawasan yang tidak ada penyakit demam denggi, Kementerian saya akan juga menjalankan perkhidmatan-perkhidmatannya.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar untuk mengawal penyakit demam denggi ini, Kementerian Kesihatan perlu cukup Doktor Kesihatan dan juga ancillary staff, umpamanya, Inspektor-inspektor Kesihatan ataupun Health Inspectors. Adakah beliau sedar bahawa pada masa sekarang terlampau kurang Health Inspectors? Oleh sebab itu, barangkali mengakibatkan preventive measures tidak mencukupi di seluruh Semenanjung Malaysia. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan apakah tindakan beliau akan ambil supaya kekurangan Inspektor Kesihatan boleh diatasi supaya kawalan penyakit demam denggi boleh dijalankan.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kekurangan Health Inspectors di negara kita. Kementerian saya beberapa tahun yang lalu telah mengambil langkah untuk meluaskan Institiut Kesihatan Umum di Jalan Bangsar. Dengan perluasan institiut ini Kementerian Kesihatan akan mengambil lebih ramai lagi pelatih-pelatih. Kita berharap dengan langkah ini bilangan Health Inspectors akan bertambah lagi pada masa akan datang.

**Tuan Yeoh Teck Chye:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri yang berkenaan sedar di dalam kawasan Kuala Lumpur, orang-orang yang tinggal di rumah-rumah haram tidak terdapat facilities membuang sampah dan longkang-longkang tidak dapat diperbaiki. Sekiranya Menteri yang berkenaan tidak berhubung dengan pihak Bandaraya, walaupun tindakan ada diambil, kalau sampah tidak dibuang, longkang-longkang tidak dibaiki, maka nyamuk-nyamuk aedes tentu akan hidup lagi.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, kebersihan kawasan di Wilayah Kuala Lumpur ini bukanlah di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Ahli Yang Berhormat sebagai ahli yang dipileh oleh rakyat, maka tugas beliau untuk menyampaikan perkara ini kepada pegawai-pegawai di Wilayah Kuala Lumpur, dan jangan disebutkan di dalam Dewan ini sahaja.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kementerian ini mencegah nyamuk aedes, adakah telah menggunakan helikopter dan jikalau ada, di mana tempatnya?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Jenis ubat-ubat yang digunakan oleh Kementerian tentulah doktor-doktor yang berkenaan sahaja yang tahu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan 10 (*d*) kes-kes yang disahkan mendapat demam denggi, bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu samada penyakit demam denggi ini boleh disiasat dalam laboratory atau kelinik. Bolehkah doktor dalam kelinik itu diagnose penyakit ini di keliniknya, atau kes-kes ini dihantar ke laboratory.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, kes-kes ini sebenarnya ditest di laboratory.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun segala langkah-langkah telahpun diambil untuk menghapuskan nyamuk-nyamuk aedes ini, saya ingin tahu adakah Kementerian Kesihatan mengambil tindakan untuk memanggil atau memberitahu Guru-guru Besar untuk memberitahu murid-muridnya cara menghapuskan nyamuk aedes ini sebab penyakit nyamuk aedes ini selalu menggigit kanak-kanak kecil yang di bawah umur 10 tahun.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah mengadakan ceramah di kawasan-kawasan yang terlibat seperti di Pontain, di Batu Pahat, di Melaka dan sebagainya, bukan di seluruh tanahair kita.

## RAPAT-RAPAT UMUM PARTI-PARTI PEMBANGKANG

11. **Tuan Lim Cho Hock** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat halangan dalam mengelolakan rapat-rapat umum oleh parti-parti Pembangkang seperti keperluan memberi notis selama dua minggu manakala satu minggu notis adalah mencukupi, dan mengadakan kereta khas untuk membuat pengumuman bergerak adalah membazirkan wang dan mana yang tidak sepatutnya dan memberi gambaran bahawa langkah-langkah ini adalah bertujuan menyekat dan menindas parti-parti Pembangkang.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan tersebut adalah tidak benar. Tidak ada halangan dalam mengelolakan rapat-rapat umum oleh parti-parti Pembangkang. Semua permohonan lesen untuk mengadakan rapat-rapat umum adalah dipertimbangkan dengan adil dan saksama oleh pihak Polis tanpa mengira apa jua parti.

Jangka masa dua minggu adalah perlu untuk membolehkan pihak Polis mengatur langkah-langkah mengawal keselamatan yang secukupnya. Peraturan seumpama ini telah berjalan dengan lancarnya sejak beberapa tahun yang lalu.

Pihak Polis tidak menekankan penggunaan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu "specialised motor vehicle". Apa yang dimaksudkan oleh pihak Polis ialah kereta-kereta bagi membuat pengumuman adalah perlu dilengkapkan dengan alat-alat pembesar suara yang diluluskan oleh pihak Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor (RIMV) mengikut Seksyen 49 Road Traffic Ordinance 1958, Road Traffic Rules 1959.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya adakah Timbalan Menteri sedar, kami telah adakan dua rapat umum, yang pertama di Tanjung Malim dan yang kedua Kota Bharu, Gopeng. Kita telah meminta kebenaran hendak mengadakan rapat umum mulai pukul 7.00 hingga 12.00 malam, tetapi pihak Polis membenarkan mulai pada pukul 6.00 hingga 10.00 malam sahaja. Pukul 6.00 kita faham orang muslim hendak sembahyang. Jadi mengganggu orang-orang muslim ini tidak baik. Polis juga memotong nama speaker atau penceramah kami. Apakah sebabnya dipotong? Rapat umum Barisan Nasional mereka boleh buat apa yang mereka suka. Bas sekolah boleh membawa orang datang, D.O. dan A.D.O. pun boleh membawa orang. Di Pulau Pinang feri percuma. Di manakah ada keadilan?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, itu tidak bererti menghalang, itu hanya dikenakan sekatan sahaja. Sekatan itu dikenakan adalah mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak Polis. Kalau dibenarkan dari pukul 6.00 sampai pukul 10.00 malam ikutlah syarat itu, tidaklah boleh lebih daripada itu, kerana keselamatan negara kita ini lebih dititikberatkan oleh pihak Kerajaan, dan Polis adalah menjalankan tanggungjawabnya mengikut arahan Kerajaan. Soal rapat-rapat umum Barisan Nasional, barangkali Ahli Yang Berhormat itu kurang faham bahawa negara kita ditadbirkan oleh parti politik yang memerintah, parti politik yang memerintah yang bererti Kerajaan. Jadi, peraturan-peraturan juga dikenakan kepada parti pemerintah yang mengadakan rapat umum kalau dibenarkan pukul 10.00, pukul 10.00 juga tidak boleh lebih. Pensyarah-pensyarah yang dihalang itu mungkin mereka itu mempunyai rekod-rekod yang tertentu yang tak boleh dibenarkan oleh pihak Polis,

kerana mereka mungkin mengeluarkan syarahan-syarahan ataupun isi-isi ucapan yang mengandungi anasir-anasir subversif yang boleh memecah-belahkan keamanan negara ini, dan pihak Parti Kerajaan, Kerajaan sudah mengetahui, mereka bukanlah anti nasional ataupun subversif kerana itu tidak dihalang memberi ucapan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberi jaminan di dalam Dewan ini pihak Polis tidak menghalang bilangan pensyarah mana-mana parti yang akan diadakan di dalam rapat umum bagi pilihanraya akan datang. Saya bertanya oleh sebab ada satu dua tempat apabila kita menyampaikan bilangan pensyarah, pihak Polis memotong nama-nama pensyarah, sebabnya terlampau banyak. Bolehkah Menteri berkenaan beri arahan kepada pihak Polis iaitu Polis tidak berhak memotong nama pensyarah-pensyarah mana-mana parti pun?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya terangkan tadi soal itu adalah terserah kepada Polis menentukan seseorang itu boleh bercakap atau tidak dan soal bilangan orang-orang yang akan berucap kalau dibenarkan mulai pukul 6.00—10.00 malam dan kalau rapat umum itu pukul 8.00 baru dimulakan, 10 orang bersyarah tentulah tak mungkin. Inilah sebabnya barangkali pihak Polis memotong orang-orang yang difikirkan patut dipotong, dan mungkin mereka ini ada rekod-rekod yang tertentu oleh pihak Polis.

**Tuan Lim Cho Hock:** Benarkah dalam pilihanraya umum akan datang, satu kawasan Parlimen, seorang calun hanya boleh mengadakan 3 rapat umum sahaja?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum tahu hal itu.

## MANGSA-MANGSA KEBAKARAN—BANTUAN

**12. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan selain daripada bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh orang-orang awam dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada mangsa-mangsa kebakaran, apakah bantuan-bantuan tertentu yang diberikan oleh Kementerian ini kepada:

(*a*) 33 keluarga yang menjadi mangsa kebakaran di Tokong Batu, Jelutong dalam kawasan Parlimen Pulau Pinang Selatan dan bilakah mereka membina semula rumah masing-masing di Tokong Batu; dan

(*b*) 14 keluarga yang menjadi mangsa kebakaran di Jelutong Barat berdekatan dengan Lorong Perak baru-baru ini dan bagaimanakah kedudukan mereka pada masa sekarang.

**Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri telah pun mengambil tindakan untuk membantu mangsa-mangsa kebakaran di Tokong Batu dan Jelutong Barat. Kerajaan Negeri juga telah melantik satu jawatankuasa khas untuk mengendalikan pemulihan mangsa-mangsa kebakaran di Tokong Batu.

Mengenai mangsa-mangsa di Tokong Batu wang sebanyak $20,070 telahpun dibelanjakan untuk memberi bantuan serta-merta kepada mereka. Selain dari makanan, mereka telah diberi pakaian dan barang-barang keperluan, wang tunai sebanyak $30 bagi tiap-tiap seorang, dan $300 bagi tiap-tiap seorang tuanpunya—penghuni rumah yang terbakar. Kementerian Kebajikan Am telah memberi $5,000 melalui Kerajaan Negeri.

Sehingga hari ini jawatankuasa telah mengutip wang derma sebanyak $134,000 dari orang ramai dan adalah hasrat jawatankuasa ini untuk membina rumah-rumah bagi mangsa-mangsa kebakaran di atas tanah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri.

Mengenai mangsa-mangsa kebakaran di Jelutong Barat, Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan lebihkurang $3,000 bagi mereka. Tiap-tiap seorang mangsa telah diberi makanan dan wang tunai sebanyak $30 dan $300 bagi tiap-tiap seorang tuanpunya—penghuni rumah-rumah yang terbakar. Selain dari ini buku-buku dan pakaian seragam telah juga diberi oleh kelab-kelab perkhidmatan seperti Apex, Lions, Persatuan Ibu Bapa Guru-guru dan penuntut-penuntut Universiti. Wang sejumlah $4,000 juga telah diderma oleh orang ramai dan lain-lain bantuan akan diberi sekiranya perlu.

Kerajaan Negeri telah menawarkan rumah-rumah J.K.R. di Paya Terubung kepada mangsa-mangsa yang terlibat tetapi mereka telah menolak tawaran ini dan sekarang duduk di rumah sahabat-handai dan saudara-mara mereka.

## BUNUH—KES-KES JENAYAH

**13. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan kejadian-kejadian pembunuhan di negara ini dalam tahun-tahun 1971, 1972, 1973 dan setengah tahun pertama 1974 dan di antara yang terbunuh itu berapa orang terdiri daripada hartawan, pegawai-pegawai Kerajaan dan negarawan. Mengapa kejadian seperti ini makin bertambah dan apakah kejayaan yang telah dicapai dalam penyiasatan-penyiasatan ke atas perkara-perkara ini dan bilangan orang yang bertanggungjawab yang telah ditangkap dan dihukum. Apakah langkah-langkah keselamatan yang telah dijalankan supaya tempat-tempat penting terkawal dan orang-orang kenamaan terselamat daripada pembunuhan dan pengkhianatan.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan kes-kes jenayah bunuh yang telah berlaku adalah seperti berikut:

| *Tahun* | *Jumlah Kes* |
|---|---|
| 1971 ... ... ... | 154 |
| 1972 ... ... ... | 130 |
| 1973 ... ... ... | 127 |
| 1974 ... ... ... | 69 |

Antara mangsa-mangsa pembunuhan tersebut, 3 adalah hartawan dan II Pegawai-pegawai Kerajaan.

Bilangan orang-orang yang ditangkap dan keputusan kes pembunuhan pula adalah seperti berikut:

| | *1971* | *1972* | *1973* | *1974 (1-1-74-20-6-74)* |
|---|---|---|---|---|
| Bilangan tangkapan ... | 155 | 131 | 116 | 52 |
| Bilangan yang dijatuhkan hukuman mati ... ... | 5 | — | 2 | — |
| Bilangan orang yang dipenjarakan ... ... | 22 | 11 | 18 | 1 |
| Bilangan orang yang mana kes mereka dibuang dan dibebas ... ... ... | 30 | 20 | 20 | 1 |
| Bilangan orang yang di bebas tanpa dibuang kes | 1 | 1 | 1 | — |
| Bilangan orang yang telah dihukum di bawah Sek. 304 K.K. (Punishment for culpable homicide not amounting to murder) ... | 6 | 9 | 4 | — |
| Bilangan orang-orang di mana kes-kes belum selesai ... ... ... | 91 | 90 | 71 | 50 |

Kerajaan sentiasa berjaga-jaga dan mengambil langkah-langkah keselamatan yang sesuai untuk mengawal tempat-tempat penting dan juga orang-orang kenamaan bagi menjamin keselamatan diri mereka.

## SIARAN B.B.C. DI JOHOR

**14. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

(*a*) adakah benar mengikut lapuran Kerajaan bahawa orang-orang Malaysia tidak lagi mendengar siaran-siaran bagi Timur Jauh "British Broadcasting Corporation" melalui Setsyen Pemancar di Johor dan jika ya, beri bukti-buktinya;

(*b*) mengapa lesen "British Broadcasting Corporation" bagi siaran-siaran Timur Jauh di Johor telah dibatalkan; dan

(*c*) samada Kerajaan akan menimbang semula keputusan untuk menutup stesyen pemancar BBC.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya menjawab bagi pihak Menteri Perhubungan:

(*a*) Selepas pengunduran Tentera British, adalah didapati jumlah pendengar-pendengar siaran BBC di negara ini telah berkurangan, dan di antara beberapa sebab pemancaran BBC disalurkan menerusi stesyen di Johor ialah untuk anggota-anggota dari Tentera British yang ditempatkan di situ.

(*b*) Lesen untuk pemancaran siaran BBC masih lagi sah sehingga bulan Mac, 1975.

(*c*) Malaysia adalah sebuah negara berkecuali dan merdeka dan sekiranya kita membenarkan sebuah negara untuk memancarkan siarannya di negeri ini

kita pula harus menimbangkan permintaan-permintaan negara lain untuk tujuan yang sama. Ini akan menimbulkan satu keadaan yang rumit, dan lagi pun memang sukar untuk kita mengawasi siaran-siaran seperti itu. Oleh itu adalah difikirkan tidak perlu untuk meneruskan perkara ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Mengikut jawapan Menteri tadi rakyat di Malaysia tidak lagi mendengar siaran radio BBC London, tetapi saya tiap-tiap malam masih mendengar siaran BBC London. Jikalau saya dengar, tentu rakyat di Malaysia pun ada dengar, apa sebab hendak ditutup stesyen di Johor itu?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Soalan itu sudah dijawab. Kalau Ahli Yang Berhormat itu suka dengar, dengarlah!

**Tuan Ng Hoe Hun:** Kalau hendak ditutup bagaimana saya hendak dengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Ahli Yang Berhormat itu mewakili semua rakyat dalam Tanah Melayu ini?

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya pun seorang rakyat, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dengar siaran BBC London. Jikalau Yang Berhormat tidak hendak beri saya mendengar BBC London, bagaimana? Saya pun bayar lesen radio?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak usah bayar pun tidak apalah (*Ketawa*).

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Berkenaan dengan relay station di Johor itu bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu di Malaysia ini BBC sahaja ada relay station, negeri-negeri asing ada atau tidak relay station?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Yang Berhormat Menteri tidak jawab berkenaan dengan soalan saya, saya hendak bertanya negeri-negeri lain adakah . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri tidak hendak menjawab.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan relay station di Johor Bahru itu di mana letaknya? Saya hendak pergi tengok?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya boleh jawab; Yang Berhormat Menteri itu tidak hendak menjawabnya (*Ketawa*).

## CUTI PENGGAL SEKOLAH

**15. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(*a*) samada Kerajaan bercadang untuk mengurangkan bilangan cuti penggal sekolah dari tiga kali setahun kepada dua kali setahun supaya lebih banyak lagi matapelajaran boleh diajar kepada penuntut-penuntut;

(*b*) samada Kementerian beliau sedar bahawa cuti sekolah tiga kali setahun sekarang ini hanya menggalakkan penuntut-penuntut melalaikan pelajaran mereka dan membazirkan masa belajar mereka, dan jika ya, apakah rancangan-rancangan Kerajaan untuk mengatasi masaalah ini; dan

(*c*) samada Kementerian beliau bercadang untuk menambah bilangan hari sekolah setahun di negara kita untuk menggalakkan penuntut-penuntut berminat dalam pelajaran mereka, dan jika tidak, samada Kementerian beliau sedar bahawa banyaknya bilangan cuti sekolah akan hanya memundurkan penuntut-penuntut dalam pelajaran mereka.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Tidak.

(*b*) Peraturan yang diikuti sekarang dalam mana pelajaran di sekolah dibahagikan di dalam 3 penggal adalah sesuai. Tidak semestinya pembaziran masa berlaku apabila sekolah-sekolah diberi cuti 3 kali setahun kerana ini terpulanglah kepada sikap penuntut-penuntut itu sendiri dan juga kawalan daripada ibubapa mereka.

(*c*) Kementerian Pelajaran berpuashati bahawa bilangan hari sekolah (195 hari setahun) adalah mencukupi dan sebarang kemunduran penuntut-penuntut bukan disebabkan olehnya.

## BUKU-BUKU TEKS—SEKIM BANTUAN

**16. Tuan Edwin anak Tangkun** (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan melanjutkan ke Sarawak sekim bantuan buku-buku teks bagi pelajar-pelajar yang miskin terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, jawabnya, ya.

## LETRIK KE KAMPUNG-KAMPUNG—KELAMBATAN

**17. Dr Seevaratnam** (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sebab-sebab kelambatan Lembaga Letrik Negara membawa letrik ke kampung-kampung, kampung-kampung baru dan ladang-ladang dan apa langkah sedang diambil untuk mempercepatkan projek-projek memberi bekalan letrik ke luar bandar di seluruh negara.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan adalah mengambil langkah-langkah positif untuk memperluaskan bekalan letrik ke luar bandar. Dalam usaha ini jumlah peruntukan telah ditambah daripada $24.82 juta kepada $70.03 juta setelah kajian semula Rancangan. Pada tahun 1974 sahaja jumlah peruntukan yang diluluskan ialah sebanyak $21.09 juta berbanding dengan jumlah peruntukan tahun 1971 sebanyak $5.6 juta.

Di samping itu Kerajaan-kerajaan Negeri juga ada menjalankan rancangan-rancangan Bekalan Letrik ke luar bandar mereka sendiri.

Beberapa projek utama yang sedang dilaksanakan pada masa ini seperti pembesaran stesyen kuasa Letrik Prai, Port Dickson dan Johor Bahru akan membolehkan lebih ramai lagi penduduk mendapat bekalan letrik ke rumah-rumah mereka. Sambungan Rangkaian Letrik Seluruh Negara ke kawasan Tengah Semenanjung Malaysia dan sambungan Pertama ke kawasan Pantai Timur di Kuantan akan membekalkan letrik yang lebih murah kepada lebih banyak lagi kawasan-kawasan di daerah tersebut.

Rancangan Letrik Haidero Temenggor, Tembeling dan yang lain-lain yang memerlukan kajian yang lebih lanjut, apabila siap akan menambahkan sebilangan besar lagi pengguna dalam beberapa tahun yang akan datang.

Di Sabah dan Sarawak, rancangan yang sama juga sedang dijalankan. Rancangan-rancangan telah dibuat bagi mengadakan stesyen-stesyen disel untuk menambahkan keupayaan letrik yang ada sekarang bagi memenuhi permintaan yang bertambah terhadap kuasa letrik. Kajian-kajian sedang dijalankan di beberapa rancangan letrik-haidero yang mungkin boleh diusahakan seperti projek Sungai Padas di Sabah, Batang Belaga dan Batang Ai di Sarawak.

Namun demikian, setengah-setengah projek tertentu yang telah diluluskan terutama sekali di luar bandar telah tergendala pelaksanaannya oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti berikut:

(1) Kekurangan barang-barang pembinaan seperti tiang-tiang kayu, besi waja untuk pembinaan tiang-tiang konkrit, wayar aluminium bersalut dan tidak bersalut, suisgiar 11Kv dan alat ubah yang mana samada tidak dapat dibekalkan oleh pembekal-pembekal tempatan ataupun pembekal-pembekal seberang laut akibat kekurangan bahan-bahan tersebut di seluruh dunia;

(2) sukar mendapat kebenaran izin lalu dan menebang pokok;

(3) sukar mendapat tanah untuk mendirikan pencawang, stesyen suis atau stesyen janaletrik luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(*Jawapan Mulut No. 3 adalah diberi di bawah ini*).

## TAN CHONG & SONS MOTOR CO.—QUOTA BUMIPUTRA

**3. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan samada beliau sedar bahawa lesen-lesen memasang kereta diberikan kepada lain dari bumiputra-bumiputra seperti lesen yang diberikan kepada Tan Chong Motors baru-baru ini. Jika sedar, nyatakan samada peluang-peluang seperti itu diberikan juga kepada bumiputra-bumiputra dan samada

Menteri akan memberi jaminan dan menentukan quota supaya diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputra untuk memasang kereta selaras dengan seruan-seruan Kerajaan bagi menggalakkan dan membantu Bumiputra dalam lapangan perniagaan.

**Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Saya sedar bahawa satu daripada kelulusan untuk memasang kereta-kereta motor telah diberikan oleh Kerajaan kepada Tan Chong & Sons Motor Co. Sdn. Bhd.

Sebelum saya menjawab bahagian kedua soalan Yang Berhormat itu, di sini ingin saya jelaskan beberapa perkara. Syarikat Tan Chong & Sons Motor Co. Sdn. Bhd. telah menjalankan perusahaan memasang kereta secara kontrek dengan Syarikat Swedish Motor sejak tahun 1969 lagi. Sejak daripada masa itu jumlah kereta-kereta Datsun yang dipasangnya telahpun meningkat kepada angka yang membolehkan ianya mendirikan kilang pemasang yang "viable".

Kelulusan kepada Tan Chong meliputi hanya model-model kereta Datsun yang sekarang ini dipasangnya secara kontrek. Tidak ada model tambahan dibenarkan kepadanya semasa kelulusan mendirikan kilang diberikan. Antara lain-lain, masaalah-masaalah ini telah dipertimbangkan oleh Kerajaan dan Kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan satu kilang pemasangan kepada syarikat ini.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat bahagian yang kedua, sukacita saya menerangkan bahawa peluang-peluang yang sama telah juga diberikan kepada pihak-pihak Bumiputra untuk menyertai di dalam indastri ini. Kementerian saya telahpun mengenakan syarat-syarat penyertaan Bumiputra kepada keempat-empat syarikat yang diberi kelulusan baru-baru ini seperti berikut:

(i) Tan Chong & Sons Motor Co. Sdn. Bhd.—sekurang-kurangnya 30% sahamnya hendaklah dikhaskan kepada Bumiputra;

(ii) Dalam tiga syarikat yang lain—sekurang-kurangnya 51% saham-saham syarikat ini hendaklah diperuntukkan kepada Bumiputra.

Pihak Kerajaan, apabila memberikan kelulusan bagi mendirikan kilang pemasangan perlu menentukan bahawa syarikat yang berkenaan adalah "viable". Berasaskan kepada ini matalamat Kerajaan untuk menambah penyertaan Bumiputra adalah lebih baik dijalankan dengan cara meninggikan saham Bumiputra di dalam semua syarikat-syarikat di dalam indastri ini.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 33 adalah diberi di bawah ini).*

## JAWATANKUASA PERUNDING PEKERJA-MAJIKAN

**18. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan berhubung dengan cadangan yang telah beliau buat tidak lama dahulu supaya pengurus-pengurus kawasan perindustrian dalam kawasan Parlimen Pulau Pinang Selatan mengadakan suatu Jawatankuasa Rundingan atau Kerja untuk merapatkan perhubungan antara pekerja-pekerja dan majikan, apakah hasil cadangan itu dan bilangan kilang-kilang yang mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa seperti itu pada masa sekarang.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickvasagam):** Sambutan terhadap cadangan penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja atau Jawatankuasa-jawatankuasa Perundingan agak menggalakkan.

Jumlah kilang-kilang yang telah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja di kawasan Parlimen Pulau Pinang Selatan ialah 8.

## KAMPUNG BARU—MEMPERBAIKI

**19. Tuan Chan Siang Sun** minta Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru menyatakan sambutan yang telah diberikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri terhadap dasar Kerajaan Pusat bertunjuan untuk kemajuan dan pembangunan ekonomi dan sosial di kampung-kampung baru yang mempunyai keupayaan untuk dijadikan bandar-bandar.

**Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru (Datuk Lee San Choon)** Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan adalah yang bertanggungjawab

secara langsung dan saya sebagai penyelaras kemajuan kampung-kampung baru berhubung dengan mereka dari semasa ke semasa supaya diberi perhatian berat atas usaha memperbaiki keadaan kampung-kampung baru.

Selain dari itu, Kementerian saya juga memberi bantuan wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek perlu di kampung-kampung baru.

## MAS—KURANGKAN TAMBANG KAPALTERBANG

20. **Tuan Edwin Tangkun** minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah beliau akan menimbang mengurangkan tambang kapalterbang antara Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tambang kapalterbang yang dikenakan oleh Syarikat MAS telah ditetapkan setelah dikaji dengan halus semua espek dan oleh yang demikian memandangkan pada keadaan yang ada sekarang, tidak ada kemungkinan bagi MAS untuk mengurangkan tambang kapalterbang antara Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak.

## SEKOLAH/SEKOLAH MENENGAH—PEMBINAAN

21. **Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah setiap daerah kecil yang ditadbirkan di Sarawak akan mempunyai sebuah Sekolah Menengah dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi kekurangan guru-guru dan buku-buku teks di Sarawak.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Pembinaan Sekolah-sekolah Menengah baru bukannya berdasarkan kepada sesuatu "administration district" tetapi kepada keperluan di sesebuah kawasan. Oleh yang demikian, saya berdukacita tidak dapat menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu. Walaupun demikian, Ahli Yang Berhormat tidak perlu bimbang kerana Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak akan menentukan bahawa setiap kanak-kanak akan mendapat pelajaran menengah.

Berkenaan dengan guru-guru, tidak ada kekurangan guru-guru di Sarawak walaupun bukan semua guru-guru terdiri dari guru-guru yang terlatih.

Berkenaan dengan buku-buku teks, juga tidak ada kekurangan di Sarawak. Hanya, oleh kerana kelewatan kapal-kapal atau pembekalan, penutut-penuntut di setengah-setengah sekolah tidak mempunyai buku-buku teks buat beberapa waktu. Saya yakin apabila sekim pinjaman buku-buku teks dimulakan di Sarawak pada tahun hadapan, perkara buku-buku teks ini tidak akan lagi menjadi masaalah.

## MENTERI/PEGAWAI KANAN KERAJAAN—KESELAMATAN

22. **Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar akan ancaman-ancaman terhadap nyawa orang-orang kenamaan seperti Menteri-menteri, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan terhadap kedudukan keadaan keselamatan pada keseluruhannya oleh anasir-anasir Kominis dan Anti Nasional sebagaimana yang telah dibuktikan dengan pembunuhan kejam Tan Sri Abdul Rahman Hashim, Ketua Polis Negara baru-baru ini. Jika sedar, apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menghindar bahaya seperti itu pada masa akan datang dan adakah beliau akan memberi jaminan bahawa langkah-langkah keselamatan yang ketat akan dikenakan kepada Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan supaya rakyat seluruhnya akan merasa yakin akan keselamatan diri mereka sendiri dan juga keselamatan negara.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Soalan ini telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri di Sidang Dewan ini pada 17-7-74.

## CEMARAN UDARA/BUNYIAN ADUAN

23. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau telah menyiasat aduan-aduan beliau (Tuan Lim Kit Siang) mengenai cemaran udara dan bunyian oleh J.K.R. Melaka Tengah dan Setor J.K.R. di Jalan Mata Kuching Melaka terhadap penduduk-penduduk sekelilingnya dan samada apa-apa tindakan sedang diambil untuk membasmikan kecemaran udara dan bunyian yang disebabkan oleh J.K.R. Melaka Tengah dan

Setor supaya ia menjadi tauladan kepada semua pertubuhan-pertubuhan awam dan swasta dengan menunjuk betapa pentingnya dipelihara mutu alam sekitar.

**Menteri Tugas-tugas Khas (Tuan Michael Chen Wing Sum):** Persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah dibangkitkan di dalam surat beliau, bertarikh 22hb Jun 1974, yang telah diterima oleh saya baru-baru ini sahaja. Saya percaya Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa pentadbiran Akta Kualiti Alam Sekeliling ini mestilah dilakukan dengan ketetapan yang saintifik, serta dengan cara yang sistematik dan saksama. Untuk melakukan itu, standard-standard yang perlu dan kakitangan yang terlatih dengan secukupnya hendaklah diadakan. Sementara perkara-perkara ini sedang diwujudkan, penguatkuasaan Akta itu sudah semestinya dilakukan dengan cara yang beransur-ansur dan selaras dengan kemampuan kita untuk melaksanakannya. Berhubung dengan pengaduan yang dikemukakan itu, saya telah mengarah supaya penyiasatan dan langkah-langkah pemulihan dilakukan dengan kebolehan yang ada pada kita.

## PEKERJA-PEKERJA KILANG DI BAYAN LEPAS

**Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberikan butir-butir mengenai pekerja-pekerja kilang di kawasan Perusahaan Bayan Lepas seperti berikut:

(*a*) bilangan pekerja-pekerja wanita dalam semua jawatan, mengikut kaum;

(*b*) bilangan pekerja lelaki dalam semua jawatan, mengikut kaum; dan

(*c*) bilangan kilang-kilang yang telah diadakan di seluruh kawasan perindastrian dalam kawasan Parlimen-parlimen Pulau Pinang Selatan.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Maklumat-maklumat mengenai pekerja-pekerja kilang di kawasan Perusahaan Bayan Lepas adalah seperti berikut:

(*a*) bilangan pekerja-pekerja perempuan bagi semua jawatan mengikut bangsa adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Melayu ... ... ... | 5,524 |
| China ... ... ... | 6,145 |
| India ... ... ... | 1,422 |
| Lain-lain ... ... ... | 61 |

(*b*) bilangan pekerja-pekerja laki-laki bagi semua jawatan mengikut bangsa adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Melayu ... ... ... | 523 |
| China ... ... ... | 1,403 |
| India ... ... ... | 312 |
| Lain-lain ... ... ... | 81 |

(*c*) bilangan kilang-kilang yang telah didirikan di seluruh kawasan perusahaan tersebut dalam kawasan Parlimen Pulau Pinang Selatan ialah 21.

## PUSAT KESIHATAN KUNAK SABAH

**25. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** bertanya kepada Menteri Kesihatan memandangkan kepada bilangan penduduk yang kian bertambah dari masa ke semasa, bilakah Pusat Kesihatan akan didirikan di Kunak; dan bilakah bilangan pegawai-pegawai perubatan di Kunak akan ditambah untuk memberikan perkhidmatan perubatan yang lebih baik kepada rakyat di sana.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Di Kunak pada masa ini ada sebuah dispensari luar bandar dan sebuah pusat kesihatan kampung. Pembantu hospital yang ditempatkan di dispensari luar bandar mengelolakan perkhidmatan pesakit luar sementara jururawat kesihatan luar bandar yang ditempatkan di pusat kesihatan kampung memberi rawatan pada ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak. Tidak ada pegawai-pegawai perubatan ditempatkan di Kunak.

Soal mengadakan satu pusat kesihatan daerah akan disiasat dan dipertimbangkan sementara jumlah pegawai-pegawai di dispensari luar bandar, Kunak akan ditambah jika perlu dan jika Jabatan Perubatan Sabah boleh berbuat demikian.

## JENTERA-JENTERA LEBUHRAYA TIMUR BARAT

**26. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berkenaan pembakaran 69 buah jentolak di Lebuhraya Timur Barat:

(i) bagaimana kejadian ini boleh berlaku;

(ii) kenapa jentolak-jentolak ini tidak dikawal secukupnya;

(iii) apakah motif pembakaran ini;

(iv) jumlah kerugian yang dialami;

(v) apakah langkah-langkah keselamatan yang akan diambil supaya kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

(i) Sebenarnya bilangan jentera-jentera yang terlibat ialah 68 buah dan bukan 69 buah. Perkara ini dilakukan oleh sekumpulan pengganas kominis.

(ii) Pada masa pengkhianatan ini berlaku, langkah-langkah kawalan adalah dianggap cukup. Saya telah menjawab mengapa pengkhianatan ini telah berlaku dalam jawapan kepada Soalan Mulut Bil. 11 bertarikh 25-7-74.

(iii) Motif yang utama ialah menaikkan semangat kominis yang bergerak di Perak, Kedah dan Pahang yang mana pada masa ini sedang terdesak akibat operasi-operasi Pasukan Keselamatan. Selain daripada itu pihak kominis sengaja cuba menggagal rancangan pembangunan Kerajaan kerana mereka tahu apabila rakyat senang dan mewah pengganas kominis tidak akan mendapat sokongan daripada mereka.

(iv) Jumlah kerosakan ditaksirkan sebanyak 3.5 juta ringgit.

(v) Pada masa ini langkah-langkah keselamatan baharu sesuai dengan kehendak keadaan sekarang telahpun diambil bagi menjamin pengkhianatan seperti ini tidak berlaku lagi. Langkah-langkah tersebut ialah:

(*a*) Kekuatan Pasukan Keselamatan di kawasan itu telah ditambah.

(*b*) Pemilihan beberapa tempat sebagai tempat menyimpan jentera-jentera dan tempat ini diberi kawalan keselamatan yang ketat termasuk pagar dan lampu keselamatan.

(*c*) Pembersihan kedua belah jalanraya Timur Barat dari tumbuh-tumbuhan sejauh 200 ela dari tepi jalanraya.

## BUMIPUTRA—PENYERTAAN

**27. Tuan V. Veerappan** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(*a*) apa sumbangan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan terhadap Pusat Pembangunan Bandar, Georgetown;

(*b*) samada Perbendaharaan telah membuat suatu kajian yang teliti mengenai keupayaan projek ini, khususnya penyertaan bumiputra;

(*c*) samada Kementerian menyetujui pemberian kontrek kepada Arkitek Team 3, dalam mana adik Ketua Menteri, Pulau Pinang berkongsi tanpa menjemput tender atau sebutharga antarabangsa; dan

(*d*) samada Perbendaharaan menimbangkan bayaran sebanyak 10% daripada jumlah perbelanjaan sebagai bayaran kepada Arkitek Team 3, sebagaimana yang diakui oleh Ketua Menteri Pulau Pinang adalah tepat dan wajar dalam keadaan-keadaan yang demikian, jika tidak, apakah langkah yang beliau bercadang hendak ambil untuk membetulkan kesalahan penggunaan kuasa dan pilih kasih ini.

**Menteri Kewangan (Tun Haji Abdul Razak):**

(*a*) Tidak ada sumbangan Kerajaan Persekutuan dibuat terhadap Pusat Pembangunan Bandar Georgetown, Pulau Pinang.

(*b*) Pada masa ini pihak Perbendaharaan sedang berbincang dengan pihak berkenaan tentang perlaksanaan projek ini dan pihak UDA adalah disyorkan untuk menyertai projek ini bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengawasi penyertaan bumiputra.

(*c*) Kementerian ini tidak dihubungi berkenaan dengan perkara ini.

(*d*) Seperti (*c*) di atas.

## KAD PENGENALAN MERAH

**28. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan orang yang memegang Kad Pengenalan Merah, dengan memberi angka-angka bagi setiap bangsa seperti terdapat hingga 30-6-1974.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya tidak dapat memberi angka-angka seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu.

## KEWARGANEGARAAN—PERMOHONAN

29. **Tuan Chan Fu King** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan permohonan kewarganegaraan yang telah dibuat pada tahun 1968, 1969, 1970, 1971, 1972, dan 1973 yang tidak diluluskan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Jumlah bilangan permohonan-permohonan kewarganegaraan yang *tidak dilulus* bagi tahun-tahun yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah seperti berikut:

| Tahun | Permohonan yang tidak lulus |
|---|---|
| 1968 ... ... ... | 3,067 |
| 1969 ... ... ... | 2,312 |
| 1970 ... ... ... | 2,607 |
| 1971 ... ... ... | 5,714 |
| 1972 ... ... ... | 7,447 |
| 1973 ... ... ... | 7,463 |

## SAMAN KEPADA AHLI PARLIMEN

30. **Dr A. Soorian** minta Peguam Negara menyatakan adakah beliau sedar bahawa:

(i) seorang Majistret di Johor Bahru memarahi peguam pendakwa kerana tidak menghantar saman kepada seorang Ahli Parlimen dari Barisan Nasional, seorang pemimpin yang disaman kerana memandu kereta tanpa menggunakan pertimbangan yang sepatutnya di batu 2½, Jalan Secudai pada 7hb Mei;

(ii) nyatakan sebab-sebabnya, mengapa tidak diberi saman ke atas seorang yang terkenal akan tetapi sebaliknya, pihak Polis tidak ada apa-apa masaalah untuk berbuat demikian ke atas orang biasa; dan

(iii) nyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa ahli Barisan Nasional tidak diberi keistimewaan sedemikian pada masa hadapan.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):**

(*a*) Bagi soalan (i) dan (ii), adalah tidak benar bahawa saman tidak dihantar kepada orang diinaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi apa yang berlaku ialah saman itu tidak dapat diserah kerana alamatnya tidak betul. Kadang-kadang juga berlaku saman tidak dapat diserah kepada orang yang kena tuduh.

(*b*) Soalan (iii) itu tidak lagi berbangkit. Walau bagaimanapun saya suka tegaskan di sini bahawa Kerajaan tidaklah pernah dan tidak akan memberi keistimewaan kepada sesiapa pun mengenai dakwaan dalam mahkamah.

## MENTERI/PEGAWAI TINGGI KERAJAAN—KESELAMATAN

31. **Tuan Richard Ho Ung Hun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengelak pegawai-pegawai tinggi dan Menteri-menteri Kerajaan kita dari diserang oleh anasir-anasir anti-nasional seperti serangan maut ke atas Allahyarham K.P.N. kita baru-baru ini.

**Tan Sri Haji Mohammad Ghazali bin Shafie:** Soalan ini telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri di Sidang Dewan Rakyat ini pada 17-7-74.

## PERUMAHAN KEPADA BUMIPUTRA

32. **Tuan Mohd Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan:

(*a*) langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian beliau untuk memberikan tempat-tempat perumahan kepada kaum Bumiputra di Kuala Lumpur dan lain-lain bandar di Malaysia;

(*b*) samada langkah-langkah yang sedang dijalankan sekarang untuk membandarkan kaum Bumiputra selaras dengan kehendak Kerajaan, dan jika ya, nyatakan kemajuan yang telah dicapai;

(*c*) samada Kementerian beliau bekerjasama rapat dengan berbagai-bagai Kerajaan Negeri untuk memberikan tempat-tempat perumahan kepada kaum Bumiputra selaras dengan Dasar Ekonomi Baru; dan.

(*d*) samada Kerajaan beliau sedar bahawa kaum Bumiputra sedang menghadapi kesusahan yang amat sangat untuk mendapatkan rumah di bandaraya dan bandar di Malaysia oleh kerana pemaju-pemaju perumahan persendirian meletakkan harga yang tinggi bagi rumah-rumah mereka yang mana kaum Bumiputra tidak mampu dan oleh kerana itu ada kemungkinan bahawa kaum Bumiputra keluar dari bandar, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan kaum Bumiputra tinggal menetap di bandaraya dan bandar.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui):**

(*a*) Kementerian saya sedang mengambil langkah-langkah positif untuk memberikan tempat-tempat perumahan kepada kaum Bumiputra di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan lain-lain bandar di Malaysia. Misalnya pada masa sekarang Dewan Bandaraya mempunyai rancangan hendak membangun beberapa buah kawasan di Wilayah Persekutuan seperti berikut:

| *Rancangan* | *Yunit* | *Akan disiapkan pada* |
|---|---|---|
| San Peng Peringkat I | 800 | Julai, 1974 |
| San Peng Peringkat II | 802 | Julai, 1975 |
| Bukit Bangsar ... | 800 | Mei, 1975 |
| Sentul—Tapak lama: Peringkat I ... ... | 270 | Kerja membina Ogos, 1974 |
| Cheras ... ... | 2,000 | Kerja permulaan sedang dijalankan |

Apabila rancangan-rancangan tersebut disiapkan nanti, tempat-tempat perumahan di kawasan tersebut akan diuntukkan kepada orang-orang awam yang berpendapatan rendah. Sejumlah besar dari tempat-tempat ini akan ditempatkan untuk kaum Bumiputra selaras dengan dasar ekonomi baru.

Di Dewan Bandaraya juga, tempat-tempat perumahan yang sedia ada sekarang ini sekiranya dikosongkan oleh penghuni-penghuni akan diuntukkan kepada kaum Bumiputra sahaja.

(*b*) Langkah-langkah yang sedang dijalankan sekarang ini untuk membandarkan kaum Bumiputra adalah sesuai dengan kehendak Kerajaan. Jumlah orang-orang dari golongan kaum Bumiputra yang diberi tempat perumahan adalah bertambah dalam masa 3 tahun ini (1971-1973). Mithalnya pada 30-6-72 sebanyak 1,886 Bumiputra telah diperuntukkan rumah di Bandaraya. Tetapi pada 30-6-74 angka ini telah bertambah kepada 2,272.

(*c*) Kementerian saya adalah bekerjasama rapat dengan tiap-tiap Kerajaan Negeri untuk memberikan tempat-tempat perumahan kepada kaum Bumiputra selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

(*d*) Kementerian saya sedar bahawa kaum Bumiputra sedang menghadapi kesusahan untuk mendapatkan rumah di Bandaraya dan bandar-bandar di Malaysia. Oleh kerana itulah Kementerian saya sedang mengambil langkah-langkah yang positif, yang saya telah sebutkan tadi, supaya bilangan kaum Bumiputra yang tinggal menetap di Bandaraya dan di bandar-bandar dapat ditambah supaya selaras dengan konsep Dasar Ekonomi Baru.

Satu lagi langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah berkenaan dengan sewa rumah yang dibayar oleh penghuni-penghuni dalam rumah-rumah awam. Mithalnya pada masa sekarang dalam Wilayah Persekutuan, penghuni-penghuni hanya membayar $42 sebulan untuk rancangan rumah pangsa berbilik dua dan $55 sebulan untuk rumah pangsa berbilik tiga. Langkah ini diambil supaya golongan rakyat yang berpendapatan rendah termasuk juga kaum Bumiputra dapat membayar sewa yang rendah bila dibandingkan dengan sewa yang diletakkan oleh pemaju-pemaju swasta.

## BANGUNAN-BANGUNAN TINGGI DI WILAYAH PERSEKUTUAN

33. **Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan:

(*a*) samada Kerajaan akan mengadakan undang-undang melarang pembinaan bangunan-bangunan dalam Wilayah Persekutuan yang melebihi tingginya daripada Bangunan Parlimen; dan

(*b*) berapa bilangan bangunan-bangunan dalam Kuala Lumpur yang lebih tinggi daripada Bangunan Parlimen pada masa ini.

**Datuk Ong Kee Hui:**

(*a*) Adalah tidak mungkin atau wajar untuk mengawal secara langsung ketinggian bangunan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Akta (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur 1973, mempunyai peruntukan-peruntukan untuk kawalan melalui zon penggunaan tanah, zon kepadatan dan nisbah plot (land use zoning, density zoning and plot ratio). Ini adalah ditentukan oleh dasar yang dikajikan semula dari semasa ke semasa.

Berkenaan dengan Bangunan Parlimen adalah tidak mungkin lain bangunan yang lebih tinggi akan dibenarkan di sekitarnya.

(*b*) Ada 20 buah bangunan di dalam Kawasan Pusat Perdagangan dan Kawasan Perdagangan Terbatas yang lebih tinggi daripada Bangunan Parlimen. Bagaimanapun, oleh sebab bangunan-bangunan ini adalah terletak di atas tanah datar tidak sebuah pun didapati lebih tinggi daripada Bangunan Parlimen. Suatu senarai bangunan-bangunan ini boleh dihantar kepada Ahli Yang Berhormat jika dikehendaki.

# USUL

## WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua perkara urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangan dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang tidak ditetapkan.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua perkara urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang tidak ditetapkan.

# RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG SENJATA (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (25hb Julai, 1974).

*3.37 ptg.*

**Tuan Hassain bin Haji Sulaiman (Besut):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyambung ucapan saya pada petang semalam mengenai dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada kira-kira 3 bulan yang lalu iaitu sewaktu Dewan ini membahaskan Rang Undang-undang Senjatapi Penalti Lebih Berat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara pada ketika itu, saya masih ingat, Ahli Yang Berhormat dari Batu sewaktu membahaskan Rang Undang-undang tersebut yang agaknya tidak berapa jauh dari maksud Undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini telah menuduh Kerajaan bahawa Kerajaan hanya bersedia mengadakan Undang-undang yang lebih berat tetapi Kerajaan tidak bersedia untuk mengatasi bagaimana supaya rakyat tidak melakukan perkara-perkara yang jahat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dibaca dan dikaji daripada ucapan Ahli Yang Berhormat kira-kira 3 bulan yang lalu mengenai dengan Akta yang saya sebutkan baru sekejap tadi, kalau di waktu itu, saya sebagai pemerhati di dalam Dewan ini dan pemerhati daripada orang yang kita gelarkan gangster dalam negara kita ini, sudah tentulah saya akan menghantar sepucuk kawat tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang bercakap seperti itu di dalam Dewan ini kerana sebagai suatu cara membela kepentingan orang yang ada kait-mengait dengan Akta yang ditujukan oleh Kerajaan itu.

Pada hari ini, di dalam Dewan kita ini dikemukakan pula oleh Yang Berhormat Menteri, suatu akta senjata sebagai menambahkan kekurangan yang terdapat di dalam Akta Senjata tahun 1960 seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam, bahawa kekurangan yang menunjukkan dalam Akta itu ialah dengan tiadanya peruntukan bagi melesenkan pembuatan senjata atau peluru serta peruntukan untuk mengawal perbuatan ini.

Pindaan dibuat untuk mengadakan suatu difinasi; perkara lesen dan juga senjata dan peruntukan berkaitan dengan pelesenan pembuatan senjata api. Hukuman yang paling tinggi kerana membuat senjata dan peluru tanpa lesen ialah hukumannya bunuh atau penjara seumur hidup. Taarif hukuman ini ialah penjara seumur hayatnya. Tetapi jika kesalahan itu adalah dilakukan oleh syarikat atau firma denda yang paling tinggi ialah $500,000.

Apa yang saya hendak sebutkan lagi di atas perkara ini ialah memandang kepada angka-angka yang pernah diterangkan oleh Kerajaan di dalam Dewan ini bahawa kejadian bunuh-membunuh di dalam negara kita ini sangat banyak. Sebagai contoh baru sekejap tadi Yang Berhormat Menteri ada menerangkan dalam tahun 1971 sebanyak 154 kejadian, tahun 1972 ada 130 kejadian, tahun 1973 ada 127 kejadian dan bagi setengah tahun 1974 ada 69 kejadian. Kejadian-kejadian pembunuhan ini tentulah sedikit sebanyak melibatkan senjatapi. Jadi dengan sebab itu, kita nampak di dalam tanahair kita ini mahu tidak mahu pihak Kerajaan mempunyai suatu keyakinan bahawa ada golongan-golongan yang membuat senjatapi secara haram, samada orang perseorangan ataupun dengan cara firma. Maka dengan sebab itulah Rang Undang-undang ini dikemukakan di dalam Dewan ini untuk membolehkan Kerajaan bertindak dengan lebih tegas bagi menjamin keselamatan orang ramai.

Seperti semalam saya katakan, saya memang bersetuju dan berpuas hati dengan Rang Undang-undang ini, cuma saya ingin mendapat penjelasan lebih lanjut lagi. Dalam masa Menteri menggulung nanti apakah sebabnya di dalam pindaan ini kepada orang perseorangan hukumannya berat, tetapi bagi firma, bagi syarikat-syarikat hukumannya didenda cuma $500,000 sahaja. Apa yang saya bimbang, takut kalau-kalau ada orang-orang yang mendapat lesen atau kebenaran membuat perkara yang lain, katakanlah dia menubuhkan satu syarikat membuat kilang besi, dan disebalik kilang besi itu dibuat senjatapi secara haram. Kalaulah kejadian seperti ini berlaku dalam negara kita adakah pengurus kilang itu akan didenda hanya $500,000 sahaja? Tetapi kalau Encik Mamat atau Encik Salleh misalnya membuat senjatapi secara haram maka dia dikenakan hukuman penjara seumur hidup. Ini yang saya ingin mendapat penegasan. Adakah pihak Kerajaan memandang bahawa orang perseorangan lebih merbahaya daripada bersyarikat? Saya terpaksa mengatakan begini, kerana dari genjala-genjala yang ada di dalam tanahair kita ini kita tentulah patut menaruh bimbang kepada kuasa-kuasa asing ataupun kepada pelabur-pelabur asing yang datang ke negara kita ini membuat kilang dengan kita memberi galakan, tetapi di sebalik itu kita juga mesti waspada dan mesti menjaga supaya negara kita ini berada di dalam selamat sepanjang masa, kerana jikalau kita kaji kepada negara-negara luar, kadang-kadang meletup suatu kejadian yang di luar daripada dugaan kita maka datangnya sedikit sebanyak campurtangan daripada negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambil mengalu-alukan Rang Undang-undang ini sekiranya apa yang saya sebutkan itu merupakan tidak silap daripada fahaman saya, saya merayu kepada Kerajaan supaya pada masa akan datang membuat satu kajian untuk memberatkan lagi denda kepada mereka yang membuat senjata haram secara bersyarikat.

*3.55 ptg.*

**Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama rakan saya mengambil kesempatan mengalu-alukan Undang-undang iaitu satu Akta bagi meminda Akta Senjata 1960 yang dibentangkan sekarang ini.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana di masa-masa yang akhir-akhir ini kedapatan banyak senjata-senjata api dan alat-alat letupan, berbagai-bagai jenis dan cara digunakan oleh pengganas-pengganas, penjahat-penjahat, penjenayah-penjenayah di tanahair kita. Kita tentulah sedia maklum bahawa Rang Undang-undang memiliki senjatapi pada keseluruhan memanglah ketat

di negara ini, tetapi kita harus kaji sedalam-dalam dan telitinya kenapa dan mengapa senjatapi itu dan senjata-senjata yang lain merebak dengan luasnya di tanahair kita ini.

Senjatapi dan senjata-senjata yang lain sebagaimana yang disebutkan tadi tentulah datang dari berbagai-bagai punca terutama sekali senjata-senjata ini diseludup dari negeri luar ke dalam negeri kita, senjata itu dirampas dari pemilik-pemilik yang asal dan ada juga senjatapi itu diperbuat sendiri yang sedang dibuat di merata-merata tempat di Selatan Thailand dan juga dalam negeri kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar bahawa adanya peperangan yang sentiasa berlaku di beberapa buah negara di Tenggara Asia ini yang menyebabkan pertarungan oleh kuasa-kuasa besar seperti di Laos, Kemboja, Vietnam dan lain-lain negara di sebelah Utara dan dari punca peperangan inilah satu daripada puncanya yang senjatapi itu dapat merebak ke Selatan sehingga sampai ke tangan kominis, penjahat-penjahat dan juga sampai kepada penjenayah-penjenayah dalam tanahair kita ini. Dengan demikian itu saya syorkan kepada pihak yang berkenaan supaya dapat mengawasi dengan teliti dan saksama di atas kemasukan senjatapi-senjatapi itu iaitu daripada pengeluaran peluru-peluru dan senjatapi yang sentiasa merebak dalam tanahair kita ini.

Sepanjang pengetahuan saya di Selatan Thai banyak pembuat-pembuat senjatapi. Bagi mereka yang kurangnya, ialah peluru, kerana peluru memanglah mahal harganya, kalau diseludup ke negara yang tersebut itu mereka boleh membuat berbagai-bagai jenis senjatapi mengikut contoh, mengikut ukuran peluru yang didapati dan diperolehi oleh mereka itu.

Senjatapi yang diseludup di dalam tanahair kita ini datang dari berbagai-bagai cara, sebagai penyeludup di sebelah Utara Malaysia ini mengetahui bahawa negara-negara jiran kita boleh dikatakan ramai orang-orang menggunakan atau memiliki senjatapi tanpa lesen dan dijadikan berleleluasa perjalanan mereka dengan pistol dan lain-lain alat senjatapi, dan seorang ada yang memiliki satu ataupun dua dengan tidak ada sebarang sekatan apa-apa. Senjatapi senang didapati oleh pelancung-pelancung yang melancung ke tempat-tempat itu; boleh dapat dibeli dengan harga murah dan dapat digunakan di sini, selain daripada dapat digunakan oleh pengganas-pengganas kominis dan lain-lain orang. Dengan sebab itu saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya dapat mengawasi betul-betul terhadap pelancung-pelancung yang keluar masuk dari Malaysia ke Singapura, dari Malaysia ke Thailand dan sebaliknya.

Sepanjang yang saya dapat tahu banyak daripada rombongan itu yang telah menggunakan badan-badan pelancungan dengan menggunakan bas-bas pelancungan telah pergi berulang-alik ke sana ke mari melalui Sempadan. Saya percaya tentulah sekali pihak Kastam dan yang bertanggungjawab memeriksa benda-benda itu sahaja iaitu kalau ada bungkusan-bungkusan senapang atau pistol, saya percaya benda-benda itu memang tidak boleh didapati hanya yang boleh didapati alat-alat yang lebih kecil seperti peluru-peluru sahaja daripada beg-beg atau tempat-tempat simpanan.

Saya bercakap ini setelah saya mengkaji, setelah saya selidik dengan teliti ada di antara rombongan pelancung yang menggunakan pas pelancungnya itu membawa, seludup alat-alat letupan yang kecil-kecil termasuk peluru-peluru yang berluasan di keluarkan di dalam Malaysia kita ini.

Perkara yang patut kita awasi iaitu pemilik-pemilik lesen senjatapi ini kalau-kalau ada yang menjualkan lesen membeli peluru-peluru itu kepada orang lain kerana mereka itu tidak pernah menggunakan dan tidak perlu hendak tembak apa-apa sedangkan peluru-peluru itu boleh dapat dibeli dengan cara berleleluasan, bila habis sahaja boleh beli. Maka dengan sebab itulah senang sahaja hendak tolak sedikit sebanyak atau hendak ambil commission sedikit sebanyak daripada lesen peluru senjatapi mereka itu. Ini satu daripada perkara-perkara yang harus diselidiki kerana pernah berlaku dalam masa darurat dahulu orang yang terkena kesalahan memiliki atau menjual lesen-lesen kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Yang ketiga, harus juga diawasi peluru-peluru yang ada di dalam setok Kerajaan kita sendiri yang hendak dimusnahkan. Takut kalau ada di tempat simpanan itu pencuri akan mencuri peluru-peluru kita yang banyak itu yang akan dimusnahkan dibawa masuk ke dalam hutan atau diedarkan

kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dalam negeri ini, kerana apa yang saya dapat tahu pada masa darurat dahulu juga iaitu ada orang-orang yang terkena hukuman gantung dan jel seumur hidup disebabkan mengedarkan peluru-peluru ini. Peluru-peluru ini didapati telah dibeli daripada pihak yang berkenaan begitu banyak, beribu-ribu kotak yang dibeli itu dijualkan kepada negeri-negeri jiran. Jadi takutlah peluru-peluru yang di dalam simpanan itu disalahgunakan atau diambil oleh penjahat-penjahat yang berkenaan untuk digunakan atau untuk diperniagakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu.

Sekianlah sahaja syor saya, semuga pengedaran senjatapi-senjatapi ini dapat diawasi dengan teliti dengan saksama oleh pihak Kerajaan kerana sebagai penduduk di kawasan utara memang mengetahui banyaknya senjatapi-senjatapi secara haram ini diperedarkan di Selatan Thailand dan mungkin perkara-perkara itu melalui saluran-saluran tertentu masuk ke negeri kita ini.

Peperiksaan mengejut juga patutlah dibuat di tempat-tempat yang berkenaan supaya perkara-perkara itu tidak dapat merebak ke merata-rata tempat di dalam tanahair kita ini kerana dengan adanya senjatapi ini boleh jadi berbagai-bagai perkara yang akan berlaku kepada penduduk-penduduk kita yang tidak berdosa, penduduk-penduduk yang mencari makan diugut dengan adanya senjatapi digunakan oleh pihak penjahat-penjahat itu.

*3.54 ptg.*

**Tuan T. S. Gabriel (Pulau Pinang Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini adalah sangat mustahak dan nampaknya hukuman-hukuman telahpun ditambah iaitu hukuman dengan denda. Walau bagaimanapun saya suka mengambil sedikit pandangan.

Pada masa sekarang tuan-tuan punya senjata berlesen, pihak polis menarik dengan tidak memberi apa-apa sebab walaupun mereka itu orang-orang atau warganegara yang berkelakuan baik. Dan sebelum pihak polis memberi lesen kepada pemohon-pemohon kelakuan mereka itu telahpun disiasat oleh pihak polis dan baru diberi lesen. Sebab banyak kejadian telahpun berlaku di kawasan saya dan di Negeri Pulau Pinang dan oleh kerana ini saya suka mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Saya minta pada masa akan datang sebelum pihak yang berkenaan menarik senjata mereka patut Kementerian atau pihak polis memberi sebab-sebab mengapa pihak polis akan menarik balik lesen yang diberi kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang nampaknya langkah-langkah yang kita ambil ialah sangat arbitrary action, unconstitutional, very harsh dan point yang kedua, saya minta Kementerian yang berkenaan apabila kita menarik balik lesen atau senjata kita mesti memberi gantirugi kepada harta yang telahpun hilang.

Saya tahu pihak polis selalu menjawab: kita tarikh untuk disimpan dalam jagaan pihak polis tetapi mereka yang mempunyai harta benda itu terus hilang, dia tidak dapat balik dan saya harap sesiapa yang hilang senjata itu Kementerian mesti membayar gantirugi. I think it is a fair thing that we should try to compensate for the loss of arms.

Saya suka memberi satu misalan, seorang yang mempunyai senjata berlesen dalam kawasan saya iaitu seorang warganegara membuat permohonan kepada polis. Katanya mata itu tidak terang kerana umurnya sudah tua oleh kerana beliau mahu menukar nama kepada anaknya yang mempunyai lesen "B" pada masa itu. Apabila polis terima permohonan ini dia terus merampas lesen senjata itu. Saya pun telah berjumpa dengan O.C.P.D., C.P.O. dan saya berjumpa sekali dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri di mesyuarat Dewan Rakyat yang lepas. Walau bagaimanapun permintaan orang tua itu tidak diluluskan dan senjata terus dirampas dan saya tahu memang ada sebab pihak polis menarik harta orang tetapi kita mesti memberitahu kepada orang-orang yang mempunyai senjata mengapa senjata mereka itu ditarik balik dan gantirugi akan diberi.

*3.58 ptg.*

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap pendek sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Semalam saya mendengar ada seorang daripada Ahli Yang Berhormat Dewan ini menyatakan di Sarawak, jikalau tidak silap saya, ada orang-orang di Sarawak membuat senjatapi. Jikalau sekiranya benar maka pihak Kementerian mestilah siasat di atas perkara ini kerana perkara ini bukan perkara rengan, tetapi adalah perkara yang cukup berat oleh kerana di Sarawak sendiri pada hari ini pengganas-pengganas kominis yang ada di dalam hutan itu sebanyak 600-700 orang telah keluar tetapi banyak lagi yang masih berada di dalam hutan. Jikalau sekiranya benar dan jikalau sekiranya hendak dapat tahu hendaklah disiasat daripada Ahli Yang Berhormat yang bercakap itu di mana dia dapat tahu di Sarawak ada membuat senjatapi dan dia juga menyatakan iaitu di tanahair kita ini oleh kerana orang minta senjatapi tidak dapat maka oleh kerana hendak menghalau binatang-binatang buas supaya tidak dimakan duriannya dan juga barang-barang lain, maka orang-orang itu membuat senjatapi.

Ini juga satu perkara yang mesti disiasat oleh pihak yang bertanggungjawab terutama sekali di Sarawak oleh kerana saya fikir jikalau sekiranya ada datuk-datuk di sana—saya terbaca di dalam akhbar yang menolong pengganas-pengganas komunis pada masa yang lalu dan ada juga orang yang berpangkat di Sarawak misalnya doktor dan sebagainya menolong pengganas-pengganas kominis untuk menghancurkan negara kita dan orang-orang ini juga boleh jadi membuat senjata di dalam hutan atau di mana-mana di Sarawak untuk memberikan senjatapi-senjatapi ini kepada pengganas-pengganas kominis, oleh kerana mereka ini, orang-orang yang kaya ini mempunyai hutan-hutan balak di Negeri Sarawak. Maka supaya hartanya yang di dalam hutan itu terselamat maka senjata ini mungkin diberikan olehnya supaya keadaan hartanya tidak terancam dan dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian yang bertanggungjawab siasat benar-benar atas perkara ini. Dengan sebab itu, saya juga menyokong dengan sepenuhnya kerana jika sekiranya negara kita ini dengan sewenang-sewenangnya orang membuat senjatapi maka tentulah ada di antaranya yang dijual kepada orang-orang jahat dan orang-orang jahat akan menggunakan senjatapi ini untuk membunuh orang-orang yang tidak berdosa, merampas dan sebagainya. Saya harap hukumannya bukan sahaja penjara seumur hidup tetapi hendaklah diketatkan lagi iaitu digantung sampai mati.

*4.04 ptg.*

**Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the rampant crimes involving the use of firearms are due to the easy availability of these weapons in this country. One would not be wrong in saying that there is some form of gun running or gun trafficking from some of the neighbouring countries. Members of the underworld have been known to possess some very modern and sophisticated firearms like the James Bond-type pocket-pen pistol and the cigarette-box pistol which have been recovered by the Police in the Federal Capital about a fortnight ago.

Sir, it has become obvious that stiff sentences dished out by the courts of law have had very little deterrent effect on these trigger-happy gunmen. These gunmen have even gone to the extent of gunning down the country's top policeman in the heart of the Federal Capital and in broad daylight too. If it is allowed to go on unchecked at this rate, the public will not have confidence in the law protectors and I am beginning to wonder who is to be the next victim.

I therefore, Sir, feel that it is necessary that the law should be enforced, which is at the moment inadequate, so as to get down to the root of the problem and trace down the source of these firearms before cities and towns are turned into "cowboy seleros". Perhaps the high unemployment rate in the country is also a contributing factor to the present state of affairs.

*4.06 ptg.*

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat mengenai Akta ini. Walaupun dalam keadaan sekarang ini pembunuhan yang berlaku dalam tempoh 5 tahun yang telah saya terangkan dalam soal jawab baru sebentar tadi telah jauh berubah dan jauh lebih turun banyaknya daripada tahun 1971 yang lalu, tetapi Kerajaan berazam untuk menghapuskan langsung perbuatan-perbuatan ganas yang telah dilakukan dan sedang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan dalam negara kita ini. Oleh itu memandang

hal inilah satu Akta dan pindaan ini telah dikemukakan kepada Dewan ini mudah-mudahan kelak dengan pindaan ini kejadian jenayah menggunakan senjatapi ini akan dapat dihapuskan langsung.

Walaupun begitu dalam hal-hal yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan hukuman-hukuman yang dikenakan kepada pembuat-pembuat senjatapi seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Besut semalam dan hari ini bahawa hukuman yang dikenakan kepada perseorangan yang membuat senjatapi ialah dihukum bunuh atau penjara seumur hidup dan dibangkitkan tadi berbanding dengan syarikat-syarikat ataupun firma-firma yang menjalankan pembuatan-pembuatan senjatapi ini dikatakannya rengan daripada orang perseorangan. Sebenarnya mengikut undang-undang sesebuah syarikat itu adalah satu badan yang melakukan kesalahan orang perseorangan. Denda itu menjadikan $500,000. Tetapi mengikut Seksyen 41 Akta Senjatapi, 1960 jika sekiranya sesebuah syarikat itu didapati mana-mana kesalahan di bawah Akta Senjatapi ini maka semua ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab melakukan kesalahan ini mereka juga tidak terlepas daripada hukuman bunuh ataupun penjara seumur hidup seperti yang dilakukan oleh pihak individu.

Mengenai dengan perhatian Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan baru sebentar tadi berhubung dengan Polis menarik senapang-senapang dan meminta supaya dibayar gantirugi dan menyatakan sebab-sebab dan sebagainya, di sini saya memberi akuan bahawa pada tahun ini tidak ada senjatapi yang diambil oleh pihak Polis dan jika ada yang telah diambil itu akan dipulangkan balik kerana pandangan kita pihak Polis biasanya sangat keras dalam soal senjatapi ini disebabkan keselamatan. Mengikut peraturannya dan undang-undang yang tersebut dalam Seksyen 24 Akta Senjatapi 1960 ini maka pengambilan senjatapi ini mungkin tidak perlu diberikan sebab-sebab oleh pihak Polis kepada orang yang berkenaan. Tetapi biasanya apa yang saya tahu pihak Polis mengambil senjatapi ini disebabkan oleh satu sebab terutama sekali pemilik-pemilik senjatapi itu adalah terdiri daripada orang yang terlalu tua dan tidak berdaya lagi dan mungkin senjatapi itu akan merosakkan dirinya balik ataupun boleh dikatakan senjata makan tuan. Pada pandangan Polis inilah senjatapi yang diambil oleh pihak Polis sendiri.

Mengenai soal menurunkan pesaka kepada anaknya, dalam hal ini tidak ada terdapat di dalam Akta Senjatapi ini menurunkan senjatapi ini atau milik senjatapi itu kepada anak atau warisnya melainkan warisnya itu sendiri harus memohon dengan mengisi borang dengan syarat-syarat yang tertentu dan kelayakan-kelayakan menurut peraturan-peraturannya. Sekiranya anak itu di apati oleh pihak Polis tidak layak memakai senjatapi maka senjatapi itu tidak dapat diberikan kepada anaknya.

Pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya mengambil ingatan dan mudahan-mudahan dengan adanya undang-undang yang diluluskan dalam Dewan ini, maka keganasan yang dilakukan oleh perompak-perompak atau penjenayah-penjenayah ataupun orang-orang yang tertentu yang melakukan pembunuhan di masa yang sudah dan kita harap akan dapat dikurangkan dan dihapuskan langsung di masa akan datang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 20* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PEMBASMI MALARIA (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.10 ptg.*

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk Akta Pembasmi Malaria (Pindaan), 1974, dibaca bagi kali yang kedua.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta Pembasmi Malaria, 1971 kemudian daripada ini disebut Akta Ibu telah diluluskan dan dikuatkuasakan pada 27hb September, 1971, dalam mana Lembaga Pembasmi Malaria telah ditubuhkan dengan bertanggungjawab bagi membuat syor-syor kepada Menteri Kesihatan berkenaan dengan dasar dan progrem pembasmian malaria.

Ahli-ahli Lembaga Pembasmi Malaria sebagaimana yang terdapat di bawah Seksyen 4 (1) Akta Ibu terdiri daripada ahli-ahli berikut:

(*a*) Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan yang akan menjadi Pengerusi.

(*b*) Seorang wakil Kementerian Buruh.

(*c*) Seorang wakil Kementerian Pertanian dan Tanah.

(*d*) Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

(*e*) Pengarah Rancangan Pembasmi Malaria, Kementerian Kesihatan yang akan menjadi Setiausaha.

Tujuan mengadakan Akta Pembasmi Malaria (Pindaan), 1974 ini ialah untuk meminda Seksyen 4 (1) tersebut di dalam Akta Ibu berhubung dengan keanggotaan Lembaga Pembasmi Malaria iaitu fasal 2 (*a*) Akta Pembasmi Malaria (Pindaan), 1974 ialah untuk menggantikan seorang wakil Kementerian Pertanian dan Tanah dengan seorang Wakil Kementerian Pertanian dan Perikanan. Ini adalah berkaitan dengan pertukaran tanggungjawab Kementerian yang menguruskan hal pertanian.

Fasal 2 (*b*) dalam Akta (Pindaan) ini ialah untuk menambah seorang ahli Lembaga iaitu seorang wakil Kementerian Kemajuan Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bagi meminda Pembasmi Malaria, 1971 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

**Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*4.20 ptg.*

**Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bagi meminda Kanun Tanah Negara dibaca bagi kali yang kedua.

Sukacita saya mengambil peluang di sini menghuraikan maksud pindaan-pindaan kepada beberapa seksyen Kanun Tanah Negara mulai dengan Fasal 3 dan 4 seperti tercatit di dalam Rang Undang-undang tersebut:

*Fasal 3 dan Fasal 4 (Seksyen 13 dan Seksyen 66 Kanun Tanah Negara)*

Fasal 3 adalah syor untuk meminda Seksyen 13 Kanun Tanah Negara bagi menghadkan kuasa Pihak Berkuasa Negeri mewakili kuasa-kuasanya di bawah Kanun itu bagi menyekat pemberian milik tanah di kawasan 50 ela di tebing-tebing sungai yang tertentu (sungai-sungai yang diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri) oleh Pegawai-pegawai Pentadbir Tanah yang dilantik di bawah Seksyen 12 Kanun Tanah Negara. Dengan peruntukan yang ada di dalam Kanun Tanah Negara sekarang ini pegawai-pegawai Pentadbir Tanah boleh atau berkuasa memberi milik tanah di kawasan 50 ela daripada tebing-tebing sungai yang diwartakan itu.

Dengan adanya pindaan seperti yang disyorkan di dalam Fasal 5 ini maka tanah-tanah di kawasan 50 ela daripada tebing sungai yang diwartakan itu tidaklah lagi dikeluar milik baginya. Tindakan ini adalah

sesuai dengan kehendak "Suruhanjaya Tetap bagi Mengawal Banjir" yang telah melantik suatu Jawatankuasa Kecil untuk mengkaji pertentangan antara penggunaan tanah dan kawalan banjir dan telah membuat beberapa syor, antara lain-lain, ialah:

(i) Satu peruntukan mahulah diadakan dalam Kanun Tanah Negara untuk menyekat pengeluaran tanah di tebing-tebing sungai yang diwartakan, dan luas lebar tebing sungai yang dihadkan daripada pengeluaran tanah hendaklah mengikut luas yang lazim disyorkan oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair.

Syor ini adalah sangat menasabah.

Seterusnya, Seksyen 66 Kanun Tanah Negara dicadangkan juga dipinda seperti mana dinyatakan di bawah Fasal 4 kepada Rang Undang-undang ini. Pindaan kepada Seksyen 66 Kanun Tanah Negara itu adalah bagi menyekat kuasa Pemungut-pemungut Hasil Tanah daripada mengeluarkan Lesen Menduduki Sementara (T.O.L.) bagi tanah-tanah di kawasan-kawasan 50 ela daripada tebing-tebing sungai yang diwartakan. Pindaan-pindaan ini adalah bermaksud untuk mengawal keadaan banjir dalam negeri.

Maka dengan ini jelaslah bahawa kedua-dua Seksyen 13 dan Seksyen 66 Kanun Tanah Negara itu mustahak dipinda sebagaimana disyorkan di dalam Rang Undang-undang ini untuk memelihara kepentingan tanah-tanah di tebing-tebing sungai tertentu.

*Fasal 5 (Seksyen 67 Kanun Tanah Negara)*

Fasal 5 adalah bermaksud untuk meminda Seksyen 67 Kanun Tanah Negara bagi mengadakan peruntukan berkenaan pembaharuan lesen-lesen menduduki sementara (T.O.L.). Pindaan seperti yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini akan membolehkan Pemungut Hasil Tanah membaharui lesen menduduki sementara dengan cara membuat catitan di dalam lesen berkenaan menyatakan lesen itu telah dibaharui bagi sesuatu tahun.

Penduduk tanah Kerajaan cara sementara untuk pertanian, tapak rumah dan sebagainya adalah terikat kepada Seksyen 67 Kanun Tanah Negara. Menurut Seksyen 67 ini, lesen-lesen menduduki sementara akan habis tempohnya pada 31hb Disember tahun yang dikeluarkannya. Namum demikian, di dalam Seksyen 67 ini tidak ada peruntukan bagi membaharui lesen-lesen sementara yang telah habis tempohnya dan cara yang diamalkan di Pejabat-pejabat Tanah sehingga ketika ini adalah selaras dengan kehendak Seksyen 67 itu juga iaitu dengan cara berkehendakkan pemegang-pemegang lesen itu membuat permohonan baru dan apabila diluluskan, suatu lesen baru dikeluarkan. Cara-cara semacam ini adalah sangat rumit untuk dijalankan dari segi praktiknya dan memakan masa yang lama dan menyusahkan kepada orang ramai.

Pindaan yang disyorkan di dalam Kertas ini akan membolehkan Pemungut Hasil Tanah membaharukan lesen-lesen sementara yang telah habis tempohnya dengan cara membuat catitan dalam lesen yang asal itu menyatakan lesen itu telah dibaharui kepada suatu tempoh yang lain sebagaimana dijelaskan di para (*c*) pada Fasal 5 tersebut.

*Fasal 8 (Seksyen-seksyen Baru 175A-175F Kanun Tanah Negara)*

Sebagaimana ternyata pada Huraian kepada Rang Undang-undang ini Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin mak um bahawa ada beberapa daftar-daftar hakmilik kekal dan sementara di setengah-setengah Pejabat Tanah dan di Pejabat Pendaftaran Geran-geran Tanah telah rosak dan tidak boleh dibaca lagi akibat bencana banjir atau oleh kerana telah reput dengan sendirinya. Oleh kerana itu bagi membolehkan daftar hakmilik demikian diganti dengan yang baru maka perlulah peruntukan baru dibuat mengenai cara-cara melakukan penggantian itu.

Di dalam Kanun Tanah Negara sekarang ini, peruntukan cuma ada (iaitu Seksyen 166 dan Seksyen 187 Kanun Tanah Negara) bagi menggantikan Daftar Hakmilik sebagai sambungan kepada Daftar-daftar yang kurang baik iaitu Daftar yang buruk, tetapi tulisan atau catitan di dalamnya boleh lagi dibaca. Bagi daftar-daftar yang telah rosak dan tidak boleh dibaca lagi keseluruhannya atau sebahagian daripadanya atau bagi Daftar-daftar yang telah hilang, peruntukan bagi menggantikannya tidak ada di dalam Kanun Tanah Negara sekarang.

Bagi mengatasi keadaan ini maka mustahaklah peruntukan tambahan diperbuat seperti terkandung di dalam Seksyen 175A hingga 175F untuk membolehkan Pendaftar-pendaftar/Pemungut-pemungut Hasil Tanah membaharui daftar-daftar hakmilik kekal dan sementara yang telah rosak atau hilang atau tidak boleh dibaca lagi.

*Fasal 9 (Seksyen-seksyen Baru 187A dan 187B. Kanun Tanah Negara)*

Fasal 9 ini mengemukakan suatu pindaan baru untuk membolehkan Pendaftar/Pemungut Hasil Tanah mengeluarkan salinan Suratan Hakmilik bagi Hakmilik Sementara bagi Suratan Hakmilik yang telah hilang atau rosak atau ada di dalam simpanan orang yang engkar menyerahkannya. Bagi Hakmilik Tetap, peruntukan bagi mengeluarkan salinan Suratan Hakmilik itu telah sedia ada di bawah peruntukan Seksyen 175 Kanun Tanah Negara.

Pengalaman telah didapati di Pejabat-pejabat Tanah dan Pendaftaran bahawa ada beberapa Suratan Hakmilik Sementara yang dipegang oleh tuan-tuan tanah telah hilang atau rosak atau ada di dalam simpanan orang yang engkar menyerahkannya. Di dalam Kanun Tanah Negara tidak ada peruntukan untuk mengeluarkan salinan Suratan Hakmilik Sementara itu. Kebanyakan Negeri-negeri telah membuat peruntukan dalam Peraturan-peraturan Tanah Negeri masing-masing bagi membolehkan Pendaftar atau Pemungut Hasil Tanah mengeluarkan salinan Suratan Hakmilik Sementara itu. Tetapi pada pendapat Peguam Negara sendiri peruntukan-peruntukan yang dibuat dalam Peraturan-peraturan Tanah Negeri itu lebih sesuai dimasukkan ke dalam Kanun Tanah Negara sendiri.

*Fasal 12 dan 14 (Seksyen 425 dan Seksyen Baru 426A, 426B, 426C dan 426D Kanun Tanah Negara)*

Fasal 12 dan 14 ini bertujuan untuk mengetatkan peruntukan berhubung dengan penduduk Tanah Kerajaan secara haram dan seterusnya memperuntukkan undang-undang yang lebih sesuai baginya.

Seksyen 425 Kanun Tanah Negara adalah satu peruntukan mengenai pencerobohan tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah lombong. Seksyen ini menyatakan salah sekiranya seseorang itu menduduki tanah Kerajaan, membuat bangunan di atasnya, membersihkan atau memagar tanah-tanah itu atau menebang kayu-kayu atau mengambil khazanah daripada pokok-pokok di atasnya dengan tidak ada kebenaran daripada Kerajaan dan bagi kesalahan itu akan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau dipenjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 426 pula adalah satu peruntukan mengenai pengambilan atau pemindahan batu-batu daripada tanah yang mana adalah salah bagi seseorang itu melakukannya dengan tidak ada kebenaran daripada Kerajaan dan orang yang didapati salah itu boleh didenda dan juga dihukum penjara, selain daripada hukum mengganti nilaian harga batu-batu yang dipindahkan itu termasuk juga nilaian atas kerosakan kepada pokok-pokok yang telah ditebang atau rosak bersabit dengan melakukan kerja memindahkan batu-batu itu.

Peruntukan yang ada sekarang didapati tidak mencukupi untuk mencegah pencerobohan tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah lombong; demikian juga bagi mengambil atau memindah batu-batu daripada mana-mana tanah.

Pencerobohan tanah Kerajaan sekarang dilakukan dengan secara besar-besaran cara modern dengan menggunakan alat-alat jentera yang besar-besar seperti buldozer, traktor dan lori-lori. Kebanyakkannya pencerobohan ini dilakukan di tanah-tanah Kerajaan yang terpencil seperti di dalam kawasan-kawasan hutan simpan, yang mana payah hendak dikesan. Oleh itu bagi mencegah pencerobohan yang sedemikian maka adalah disyorkan peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas diperketatkan lagi dan juga di tambah peruntukan yang baru mengenai merampas hartabenda dan jentera-jentera yang dengannya pencerobohan itu dilakukan.

Oleh yang demikian seksyen 425 Kanun Tanah Negara adalah disyorkan dipinda, di antara lain-lainnya, dinaikkan denda bagi kesalahan pencerobohan tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah lombong itu daripada $500 kepada $10,000 dan hukuman penjara dinaikkan daripada tempoh "tidak melebihi 6 bulan" kepada tempoh "tidak melebehi satu tahun" seperti terkandung dalam para

(*b*) pada Fasal 12. Bagi Seksyen 426 pula peruntukan baru 426A, 426B dan 426C akan diadakan untuk memberi kuasa, di antara lain-lain ialah:

(i) Memberi kuasa kepada pegawai polis berpangkat tidak kurang daripada Inspektor, Pendaftar, Pemungut Hasil Tanah, Pegawai Petempatan atau seseorang pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk menangkap dengan tidak menggunakan waran seseorang yang menggunakan tanah Kerajaan dengan secara haram.

(ii) Membolehkan pegawai-pegawai tersebut menahan kenderaan, traktor dan perkakas-perkakas pertanian yang digunakan untuk maksud pencerobohan itu.

(iii) Memberi kuaas kepada pegawai polis menyimpan barang-barang atau alat-alat yang didapati di atas tanah yang dicerobohkan itu dan juga menyimpan perkakas-perkakas rumah yang telah dirampas menurut seksyen 426A (1) (c).

(iv) Memberi kuasa kepada Mahkamah merampas alat-alat yang tersebut di atas.

Bagi kesalahan berkaitan dengan pengambilan batu-batu daripada mana-mana tanah tanpa kebenaran, hukuman denda baginya dinaikkan juga daripada $500 kepada $10,000 dan hukuman penjara "tidak melebihi enam bulan" dinaikkan kepada tempoh "tidak melebihi satu tahun" sebagaimana dinyatakan pada Fasal 13 pada Rang Undang-undang ini.

Dengan adanya peruntukan-peruntukan seperti yang telah dihuraikan tadi kita percaya pencerobohan tanah Kerajaan kehadapan ini dapat dikawal dengan lebih rapinya dan pencerobohan tidak akan berlaku dengan mudahnya demikian juga pengambilan atau pemindahan batu-batu yang berharga dalam kawasan tanah kerajaan itu.

*Fasal 15 (pindaan bagi Jadual Pertama Kanun Tanah Negara)*

Fasal 15 ini adalah bertujuan untuk mengadakan beberapa borang yang hendak digunakan berkenaan dengan pelaksanaan seksyen-seksyen 175A, 175B, 175D dan 175E yang telah dihuraikan di bawah Fasal 8 dan borang untuk melaksanakan Seksyen 187B yang telah dihuraikan di bawah Fasal 9.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya keseluruhan daripada cadangan pindaan yang dikemukakan ini ialah untuk melicinkan lagi pentadbiran tanah di negara kita ini. Oleh yang demikian, saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang kedua.

**Menteri Hal Ehwal Sarawak (Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*4.30 ptg.*

**Tuan Goh Hock Guan (Bungsar):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, a modern up-to-date National Land Code is essential because the livelihood and the living conditions of our peoples depend on the correct use of our land. Tremendous growth is taking place simultaneously in all our cities and countryside. The need for planning in a comprehensive manner to develop the full potential of our land for agriculture, industries, housing, education, etc. becomes of paramount importance. Development should be able to take place speedily and efficiently with the minimum of delay and bottlenecks.

Right now, Sir, there are two major problems associated with the existing National Land Code:

Firstly, the involved, complicated process of getting land conversion from agricultural to urban land use;

Secondly, the difficulty and delay in getting strata titles for multi-storey shopping centres, flats and offices; and

Thirdly, the delay in getting titles for building and agricultural properties—it takes one to two years at least to get such titles.

Now, Sir, delay in any form retards development and growth. Worse, it contributes to higher cost and hence increase the evils of inflation. I urge, therefore, the streamlining of our National Land Code.

The Land Code should also make provisions for better urban and regional planning, so that our cities and countrysides can be simultaneously developed to ensure balanced growth and balanced prosperity for both the urban and the rural people. In other

words, Sir, the future planning of Kuala Lumpur, for instance, must embrace the whole of the Kuala Lumpur-Klang-Kajang Valley region and not merely the Federal Territory. The Klang Valley region, or the Kinta Valley region in respect of Ipoh and its surroundings, must in turn be related to planning on a national scale.

I, therefore, call for a National Plan to be prepared by our city and country planners for the best utilisation of all our urban and rural land to obtain the maximum benefit for all our peoples.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Would Ahli Yang Berhormat confine his remarks only to the issue before us, i.e. to the various amendments to the National Land Code here and not to deal with it as a sort of general land policy; otherwise there will be no end to it.

Adapun tentang soal menduduki tanah Kerajaan secara haram oleh buruh-buruh atau pekerja-pekerja yang berada di sekitar bandar-bandar yang besar mendirikan rumah-rumah cara haram, ini adalah satu masaalah yang lain. Saya sependapat dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa masaalah ini merupakan masaalah masyarakat dan masaalah politik yang besar dalam dunia moden di Malaysia ini, masaalah menduduki tanah Kerajaan secara haram. Kementerian saya memang bersimpati dengan orang-orang miskin yang terpaksa mahu atau tidak mahu menduduki tanah-tanah Kerajaan secara haram seperti ini. Dan pihak Majlis Bandaraya sekali pun juga bersimpati terhadap hal keadaan sedemikian. Sebab itulah satu daripada polisi yang ada pada masa sekarang ini bahawa mereka tidak akan dihalau keluar melainkan apabila pihak Kerajaan atau pihak Bandaraya dapat menyediakan rumah tempat tinggal mereka sebagai ganti untuk mereka berpindah. Untuk menghalalkan tanah yang haram itu, ini adalah suatu kerumitan. Ini bergantunglah kepada jenis tanahnya, kedudukan tanahnya atau sebagainya. Kalau dihalalkan kepada tanah yang tidak kena kepada jenis rumah yang berselerak seperti itu, ini akan merosakkan lagi kedudukan bandar dan tidak akan dapat menyelesaikan masaalah rakyat yang tidak berumah. Penambahan rakyat dalam bandar yang besar seperti Kuala Lumpur ini memang mengejutkan sekali. Jika sekiranya tanah yang sempit dibiarkan rakyat buka rumah cara haram, memerintahkan cara haram, mendirikan rumah haram, hanya beberapa ratus buah rumah sahaja yang dapat didirikan dalam kawasan seluas 1 atau 2 ekar sedangkan berapa ramai lagi rakyat yang tidak mempunyai tapak untuk mendirikan rumah walaupun rumah haram. Jadi masaalah ini tidak akan selesai kalau sekiranya dihalalkan cara yang demikian. Jadi berbangkit juga tentang soal orang-orang yang miskin seperti itu tetapi yang patuh dan taat kepada undang-undang, mereka tidak mahu menduduki rumah secara haram dan mereka akan terasa bahawa kalau hendakkan harta atau mendapatkan rumah yang baik, lebih baiklah membuat kerja secara yang haram. Kemudian timbul suatu salah anggapan yang besar dalam masyarakat kita.

Walau bagaimana sekalipun Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentulah maklum bahawa

sikap dan langkah Kerajaan pada masa sekarang ini berhubung dengan soal perumahan ini adalah merupakan suatu soal yang pokok. Terhadap pekerja-pekerja kilang umpamanya, Kerajaan telahpun berhubung dengan majikan-majikan supaya mereka menyediakan rumah-rumah untuk buruh-buruh mereka sendiri. Sudah ada nampaknya sekarang ini setengah-setengah majikan sudah mula mematuhi syarat-syarat ini bagi mendirikan rumah-rumah untuk buruh-buruh mereka.

Satu perkara lagi berhubung dengan perintah haram ini kedapatan juga satu perkara yang anih dan ganjil. Ada berlaku dalam Bandaraya Kuala Lumpur ataupun di luar daripada Bandaraya Kuala Lumpur ini iaitu rumah-rumah haram yang tumbuh dengan mengejut seperti cendawan di waktu pagi selepas hujan. Umpamanya waktu pegawai Kerajaan pergi menyiasat, bila datang lapuran rumah haram, didapati ada 4 buah rumah yang baru siap didirikan belum diduduki. Kemudian ada 16 buah rumah yang belum siap tetapi baru ada rangka. Kemudian diberitahu bahawa salah didirikan rumah haram di situ sebab Kerajaan ada rancangan. Seminggu kemudian apabila pergi, didapati 40 buah rumah sudah siap dan ada baki di dalam 100 lebih rangka yang baru tumbuh. Tiap-tiap kali pegawai-pegawai pergi didapati rumah bertambah. Ini pun timbul juga masaalahnya. Jadi adalah dibimbangkan bahawa ada promoter di belakang, ada pak dalang yang memainkan peranan di belakang dalam soal perkara yang berlaku seperti itu. Kerajaan terpaksalah menyiasat kes yang benar-benar (genuine case) barulah Kerajaan dapat memberi pertimbangan sewajarnya. Walau bagaimanapun adalah dijangka mereka tidak akan dihalau seperti menghalau ayam dalam reban, tidak akan timbul masaalah seperti itu. Pertimbangan dari segi kemanusiaan, pertimbangan dari segi kemasyarakatan haruslah diikut serta di samping pelaksanaan undang-undang dan peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Temerloh telah juga memberikan beberapa pandangan yang baik berkenaan dengan perkara-perkara berhubung dengan tanah. Terutamanya misalnya nama-nama yang ditulis oleh pegawai-pegawai atas grant atau Q.T. tentang ejaannya kadang-kadang berlain daripada kad pengenalan mereka sendiri. Pada pandangan saya pada masa-masa yang akhir ini tidaklah berlaku lagi sebab telahpun disyaratkan kalau hendak mengeluarkan grant atau Q.T. baru mesti didaftarkan kepada nama dan ejaan yang ada kepada kad pengenalan itu sendiri. Kesulitan ini timbul, pada anggapan saya ialah oleh kerana kejadian ini berlaku dahulu yang tidak ikut peraturan ini. Itu Insya Allah kita akan dapat atasi sedikit demi sedikit. Kalau sekiranya sampai keluar 10-20 ringgit untuk meminda nama surat-surat sumpah seperti itu, saya rasa itupun satu soal yang memberatkan rakyat. Saya akan memberikan perhatian yang berat dalam masaalah ini.

Adapun tentang soal bayaran hasil, tidak dapat saya hendak campurtangan perkara ini. Sebab soal bayaran hasil ini adalah urusan Kerajaan Negeri sendiri. Demikian juga tentang soal hasil kepada pekebun-pekebun kecil.

Masaalah mengeluarkan tanah kepada Badan-badan Berkanun seperti FELDA, FELCRA atau pekebun-pekebun kecil, inipun masaalah Kerajaan Negeri.

Pada pandangan saya kelambatan itu kadang-kadang berlaku bukan kerana sengaja dilengah-lengahkan tetapi ada karinah-karinah atau sebab-sebab yang menyebabkan maka berlakunya kelambatan itu sendiri. Insya Allah saya rasa akan berjaya jika tidak ada sebab-sebab yang menghalangnya, biasanya tidaklah lambat sangat.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson ada juga membangkitkan banyak perkara tetapi saya kira perkara-perkara yang dibangkitkan itu kebanyakannya tidak menyentuh langsung dengan soal benda yang dibahaskan pada masa sekarang ini. Umpamanya mengenai berita, kononnya MCA ada membuat rancangan tanah seluas 3 ekar seorang dan borang-borang telah ada di Pejabat MCA, jadi seolah-olah beliau terpaksa membuat beberapa pertanyaan apakah tiap-tiap pemohon itu mesti anggota daripada parti Kerajaan, adakah tanah itu untuk orang-orang MCA sahaja, untuk UMNO sahaja dan sebagainya. Perkara ini tidak berbangkit samasekali. Saya suka menyatakan bahawa pihak Kementerian ini tidak mengetahui langsung perkara adanya rancangan tanah MCA itu. Mungkin perkara ini perkara Kerajaan Negeri sebab perkara tanah seperti ini ialah perkara Kerajaan Negeri. Sekiranya Kerajaan Negeri ada

membuat rancangan tanah sendiri yang berbeza dan berlainan daripada rancangan tanah itu kecuali kalau dia hendak membuka seperti FELDA maka terpaksalah dia membuat perundingan bersama minta bekerjasama dengan pihak FELDA untuk membuka rancangan tanah itu. Seperti apa yang disebutkan tentang soal rancangan tanah di kawasan dalam Negeri Sembilan, apa yang disebutkan tadi itulah jawapan saya kerana Kerajaan Negeri mungkin berhak membuat rancangan tanahnya sendiri kecuali rancangan itu sama seperti FELDA maka kenalah berhubung dan berunding dengan Kementerian itu sendiri.

Selain daripada itu saya rasa tidak payahlah saya jawab. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pentadbiran yang baik itu diberi perhatian dan pandangan dan kita akan cuba melaksanakan dan mengatasi dengan sebaik mungkin dan dengan demikian saya mohon supaya Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang kedua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 15* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Pendahuluan* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PELAJARAN (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.43 ptg.*

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Pelajaran (Pindaan) Tahun 1974 dibacakan kali yang kedua.

Pada masa ini pentadbiran pelajaran Ugama Islam di Sekolah-sekolah Rendah bantuan Kerajaan di Semenanjung Malaysia adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing. Perbelanjaan bagi mengadakan pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan ditanggung bersama di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri berkenaan. Peraturan ini adalah mengikut Seksyen 36 dan 37 Akta Pelajaran Tahun 1961.

Dalam peraturan sekarang ini terdapat beberapa kelemahan di antara lain ialah seperti berikut:

(1) Oleh kerana semua hal berkaitan dengan perlantikan dan perkhidmatan Guru-guru Ugama Islam di sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan adalah di bawah kuasa negeri masing-masing. Masaalah perjawatan, Perkhidmatan dan pengawasan guru-guru Ugama ini seringkali timbul. Kadang-kadang terdapat peruntukan perjawatan guru-guru Ugama Islam di sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan melebihi atau kurang daripada yang dikehendaki.

(2) Kelayakan dan latihan guru-guru Ugama Islam di sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan sukar diselaraskan di seluruh negara kerana mereka ini dilantik oleh Negeri masing-masing.

Setelah menimbangkan keadaan yang seperti ini dan memandangkan kepentingan pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah rendah dalam kontek pelajaran kebangsaan seluruhnya maka adalah sangat wajar bagi Kerajaan Persekutuan mengambil-alih pentadbiran pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah rendah daripada mana-mana Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia yang bersetuju menyerahkannya. Mengikut Seksyen-seksyen 36 dan 37 Akta Pelajaran Tahun 1961, Kerajaan Persekutuan hanya boleh memberikan bantuan sebanyak 50% daripada perbelanjaan yang diperlukan untuk pengajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan. Oleh yang demikian supaya membolehkan Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab penuh dalam segala pentadbiran di sekolah-sekolah rendah dan menanggung sepenuhnya perbelanjaan

yang diperlukan bagi mengadakan pelajaran tersebut di sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan di Semenanjung Malaysia adalah perlu bagi seksyen-seksyen yang disebutkan tadi dipinda.

Sebagai makluman Akta Pelajaran tidak meliputi Sabah dan Sarawak dan dengan itu pindaan-pindaan yang dicadangkan ini tidaklah melibatkan negeri-negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*5.46 ptg.*

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Pelajaran (Pindaan) yang dikemukakan di hadapan kita ini.

Pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang bijak menyusun Aturan Mesyuarat kita, Parlimen akhir ini yang diakhirkan dengan perkara ugama. Undang-undang ini saya fikir sangat sesuai dengan negara kita ini iaitu Islam sebagai ugama rasmi dan juga kita hendak membaikki rohani rakyat negara kita berhubung dengan pelajaran ugama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat berbesar hati bahawa Kerajaan Negeri telah sanggup memberikan kuasa kepada Kerajaan Pusat supaya mengambilalih Sekolah-sekolah Ugama dalam negeri ini kecuali Sarawak dan Sabah. Keadaan ini telah dideritai oleh ibubapa dan juga anak-anak kita termasuklah juga Kementerian Pelajaran yang bersungguh-sungguh hendak memberikan didikan ugama kepada anak-anak tetapi tidak dapat berjalan dengan begitu sempurna. Dengan keadaan ini saya cuma hendak menyentuh sedikit sahaja mudah-mudahan dengan peruntukan atau alasan-alasan dan hujah-hujah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi kuat-kuasa pindaan ini akan membolehkan kelak iaitu saya harap bahawa sistem pelajaran ugama di sekolah-sekolah rendah di seluruh Malaysia ini hendaklah disamakan. Kita berharap jangan mementingkan kelebihan negeri masing-masing. Keadaan ini akan memberikan kemudahan yang banyak kepada anak-anak kita dan juga kepada guru-guru termasuk juga dalam masaalah pentadbiran.

Yang kedua, sekiranya sistem pelajaran ini diadakan kelak, pelajaran membaca al-Quran itu hendaklah disekalikan dengan tafsirnya dan tiap-tiap pelajar-pelajar kita di sekolah rendah ini hendaklah belajar mengerti tafsir al-Quran sekurang-kurangnya pada ayat-ayat lazim, sebab setengah-setengah kita tengok orang-orang Islam sembahyang dia tahu membaca al-hamdulillah sahaja, tetapi isi al-hamdulillah itu dia tak mengerti. Jadi dengan keadaan yang semacam ini, sekolah ugama kita kalau kita mengerti tafsiran al-Quran itu akan lebih lagi mendekati takwanya kepada Tuhan. Sebab kalau umpamanya al-hamdulillah itu dia kata dalam bahasa Melayunya segala puji bagi Allah, Bismillahhir Rahamanir Rahim, dengan nama Allah yang Amat Pemurah lagi Amat Mengasehi; anak-anak kita tahu sentiasa menyebut nama Tuhan, membesarkan Tuhan. Dengan yang demikian, saya fikir ini akan mendatangkan satu keadaan yang baik kepada rakyat yang berugama Islam pada masa hadapan.

Yang ketiga, saya harap masa pelajaran ugama di sekolah-sekolah rendah ini hendaklah ditambah. Saya berpendapat bahawa keadaan masa yang ada sekarang tidak memadai dan dengan keadaan semacam ini tambahan masa pelajaran anak-anak kita itu akan dapat meningkat menujukan kepada peringkat-peringkat yang lebih tinggi lagi dengan kelayakan dan didikan yang kita dapat daripada darjah-darjah rendah itu.

Yang keempat, hendak memberi kelayakan kepada semua guru-guru yang mengajar di sekolah rendah, kolej ugama, Kolej Guru-guru Ugama itu wajib diadakan oleh Kementerian. Kita sekarang ada 4 buah kolej guru, tetapi Kolej Guru-guru Ugama itu belum diadakan. Jadi saya harap perkara Kolej Guru-guru Ugama ini patut diadakan, dengan ini dapatlah kita menyatukan kelayakan guru-guru ugama pada masa hadapan bagi mengajar sekolah-sekolah rendah yang di bawah tadbir Kementerian ini.

Yang akhirnya, saya minta Kementerian ini supaya memerhatikan bahawa di sekolah-sekolah ugama rendah ini hendaklah diajarkan terus tulisan Jawi dan kitab-kitab Jawi diajarkan. Dengan keadaan macam ini akan memberikan kesan kepada anak-anak kita bahawa dengan hampirnya tulisan Jawi,

sebagainya. Mengikut keadaan pada hari ini tidak dapatlah kita hendak memanjangkan masa untuk mengajar pelajaran ugama di sekolah-sekolah rendah dan juga sekolah kebangsaan. Walaupun begitu kita berharap dengan kerjasama guru-guru ugama yang mengajar itu akan dapat memberi pelajaran yang lebih panjang pada sebelah petang ataupun pada sebelah pagi mengikut keadaan sekolah itu, kalau sekolah itu mengajar pada sebelah pagi, kita harap pada sebelah petang dapat dilanjutkan sedikit pelajaran ugama bagi anak-anak di sekolah itu oleh guru-guru ugama yang mengajar di situ. Dan juga kita menyeru meminta kerjasama dari ibubapa murid-murid itu supaya masing-masing memberi ajaran ugama dan asuhan ugama dirumahnya supaya menambahkan pelajaran yang diajari di sekolah-sekolah.

Berkenaan mengadakan Kolej Guru-guru Ugama. Kita berharap apabila dapat menambahkan 4 buah Maktab Perguruan yang akan didirikan tidak berapa lama lagi maka dapatlah kita mengadakan tempat kursus guru-guru ugama, tetapi tidaklah diadakan untuk sesebuah Maktab Perguruan Khas bagi guru-guru ugama sahaja, haruslah kita mencampuri dengan guru-guru dalam matamata pelajaran yang lain.

Tulisan Jawi memang telah diwajibkan bagi murid-murid yang belajar ugama mempelajari tulisan Jawi bukan sahaja yang belajar dalam mata pelajaran ugama bahkan dalam Bahasa Kebangsaan adalah diwajibkan bagi murid-murid mengambil pelajaran Bahasa Kebangsaan di samping mempelajari tulisan Jawi, kerana ini adalah sebahagian daripada Bahasa Kebangsaan.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak mengesyorkan berkenaan dengan masa patutlah dipanjangkan. Saya tidak payah memanjangkan ulasan ini dengan sebab masa tidak mencukupi.

Saya bersetuju benar guru ugama diberi tugas luar daripada bilik darjah seperti memberi pelajaran prektikel ataupun amalan membaca Quran, di luar daripada bilik darjah atau sekolah dengan sebab kita tahu bilik-bilik darjah kita pada hari ini belum lagi mencukupi untuk kita mengadakan khas bilik ugama, bilik sembahyang, bilik membaca Quran. Ini memerlukan guru-guru ugama mengadakan Quran, bacaan Quran harus di luar bilik darjah, di luar kawasan sekolah. Juga amalan-amalan yang lain seperti membawa, mendidik anak-anak kita pergi bersembahyang Jumaat di samping meninggikan akhlak murid-murid oleh guru-guru ugama kita, maka kita berharap dapat mengadakan organisasi-organisasi (persatuan) ugama dan sebagainya. Dengan itu latihan anak-anak kita dari segi ugama akan lebih berkesan dan kuat lagi pada masa akan datang.

Itulah sahaja penjelasan saya, dan sekali lagi saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan atas pindaan Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## PENANGGUHAN

*6.08 ptg.*

**Datuk Haji Mohammed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

**Dr Chen Man Hin:** *Tidak hadir.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.10 petang.*

# JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

## JABATAN PERDANA MENTERI

### Pingat-pingat Kehormatan

1. **Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan:

(*a*) samada beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk menjalankan penyiasatan atas diri orang-orang berkenaan sebelum mereka dikurniakan bintang-bintang atau pingat-pingat kehormatan oleh Kerajaan Pusat pada Hari Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;

(*b*) siapakah yang layak menerima pingat-pingat dan bintang-bintang itu; dan

(*c*) samada terdapat apa-apa rancangan untuk menghentikan pemberian pingat-pingat dan bintang-bintang kehormatan kepada Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri semasa mereka masih menjadi wakil rakyat.

**Perdana Menteri:**

(*a*) Peraturan telahpun lama berjalan mengikut mana penyiasatan memang dibuat oleh pihak Polis dan Biro Siasatan Negara atas diri seseorang yang berkenaan sebelum ianya dikurniakan dengan Bintang-bintang atau Pingat-pingat Persekutuan pada Hari Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

(*b*) Secara amnya mereka-mereka yang telah memberi sumbangan jasa dan bakti yang cemerlang, taat setia dalam lapangan perkhidmatan awam, kebajikan am dan sukarela adalah layak untuk diberi pertimbangan bagi penerimaan kurniaan Darjah-darjah Kebesaran dan Bintang-bintang Persekutuan.

(*c*) Suatu keputusan baru telah diambil mengikut mana Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri tidak akan dianugerahkan dengan Darjah-darjah dan Bintang-bintang Persekutuan di atas perkhidmatan politik mereka kecuali selepas mereka-mereka itu bersara. Walau bagaimanapun mereka-mereka itu boleh dipertimbangkan bagi penganugerahan di atas alasan-alasan perkhidmatan kepada Negara dan di dalam lain-lain lapangan.

### Rumah-rumah Kerajaan—Pembelian

2. **Tuan V. David** bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau boleh menimbang membenarkan pekerja-pekerja Kerajaan membeli rumah-rumah Kerajaan yang mereka duduki sekarang ini, oleh kerana perkara tanah dalam Wilayah Persekutuan pada masa ini telah menjadi satu perkara Persekutuan.

**Perdana Menteri:** Soal kedudukan rumah-rumah kerajaan di masa hadapan sedang dikaji pada masa ini, akan tetapi memandang bahawa adalah mustahak menentukan supaya kakitangan-kakitangan Kerajaan yang membuat tugas-tugas yang penting ditempatkan di kawasan perumahan yang berdekatan dengan tempat kerja mereka, maka rumah-rumah kerajaan itu mungkin tidak dijual.

The question as to the future position of Government quarters is now being examined but in view of the fact that it is also essential to ensure that certain key personnel in Government are housed centrally these quarters may not be disposed of for sale.

## KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

### Gemini Chit Fund—Jualan Harta

3. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian:

(*a*) berapakah jumlah nilai penjualan harta dan barang-barang kepunyaan Gemini Chit Fund—

(i) barang-barang alih di Kuala Lumpur;

(ii) harta benda di Jalan Tuanku Abdul Rahman—4 yunit bangunan empat tingkat;

(iii) harta benda di Ipoh;

(iv) harta benda di Seremban—Bangunan empat tingkat dengan kelengkapan yang cukup dan juga mempunyai alat pendingin hawa;

(v) harta benda di Melaka; dan

(vi) barang-barang alih di Seremban, Ipoh, Pulau Pinang, Melaka dan Alor Star;

(*b*) berapa banyakkah wang kutipan yang tela dikutip selama ini dari orang-ramai sebagai derma kepada Chit Fund;

(*c*) berapakah jumlah hutang Chit Fund kepada orangramai iaitu—

(i) Ahli-ahli Chit Fund;

(ii) Pembekal barang-barang dan perkhidmatan;

(iii) Gaji bagi pekerja-pekerja lama; dan

(iv) Bank atau lain-lain;

(*d*) berapakah jumlah pukulrata perbelanjaan bulanan untuk melaksanakan penutupan syarikat ini;

(*e*) adakah semua wang kutipan akan dibelanjakan di dalam perlaksanaan tugas menutup syarikat ini; dan

(*f*) bilakah ahli-ahli Chit Fund dan yang lainnya akan menerima pembayaran wang mereka.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn):**

(*a*) (i) Harta yang bergerak di Kuala Lumpur telah dijual dengan harga $94,685.50;

(ii) Harta yang tiada bergerak di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur—$938,000.00;

(iii) Harta yang tiada bergerak di Ipoh—$135,000.00;

(iv) Harta yang tiada bergerak di Seremban—$140,000.00;

(v) Harta yang tiada bergerak di Melaka—$180,000.00;

(vi) Harta yang bergerak di:

| | |
|---|---|
| 1. Seremban ... | $13,315.00; |
| 2. Ipoh ... ... | 35,000.00; |
| 3. Pulau Pinang ... | 17,533.53; |
| 4. Melaka ... | 600.00; |
| 5. Alor Star ... | 7,622.00. |

(*b*) Sejumlah $194,096.83 telah dikutip sehingga ini;

(*c*) (i) Satu Ratus Lima Puluh Enam (156) tuntutan yang berjumlah $595,163.95 telah diterima sehingga tarikh ini;

(ii) Lima Puluh Lima (55) tuntutan yang berjumlah $481,144.72 telah diterima sehingga tarikh ini;

(iii) Empat Puluh Tiga (43) tuntutan yang berjumlah $28,475.51 telah diterima sehingga ini;

(iv) Tidak ada apa-apa yang terhutang dengan Bank sehingga sekarang. Harta-harta syarikat yang tiada bergerak di No. 34, Jalan Laxamana, Melaka; No. 45 Jalan Lemon, Seremban; dan No. 6 Station Road, Ipoh, yang mana telah dicagarkan kepada United Finance Co., Ltd., Kuala Lumpur telah dijual dengan harga $455,000.00 dan selepas menyelesaikan bayaran yang dikenakan ke atas cagaran dan faedah-faedahnya sehingga tarikh pembayaran dibuat berjumlah $446,229.59 berlebihan sebanyak $8,770.41 telah diperolehi daripada jualan tersebut.

Harta yang tiada bergerak di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur yang mana telah dicagarkan kepada Malayan Banking Sdn. Berhad, Kuala Lumpur telah dijual dengan harga $938,000.00 dan setelah menyelesaikan bayaran yang dikenakan di atas cagaran dan faedahnya sehingga tarikh pembayaran dibuat berjumlah $756,253.34 dengan lebihan sebanyak $181,746.66 telah diperolehi daripada jualan itu;

(*d*) Pukul rata perbelanjaan sebulan ialah sebanyak $2,000.00 sebulan;

(*e*) Tiada;

(*f*) Lebih kurang sebanyak $2.3 juta hutang daripada hampir 3,000 orang ahli syarikat yang ingkar, daripadanya sebanyak $194,096.83 telah dikutip sehingga ini. Dalam bulan Disember, 1971, Mahkamah Magisteret, Kuala Lumpur telah berpendapat bahawa chit funds yang dijalankan oleh Syarikat ini ialah perniagaan pinjam-meminjam wang dan tiada sah dijalankan. Rayuan yang dibuat ke Mahkamah Tinggi di atas keputusan itu telah ditolak oleh Mahkamah pada 16hb April, 1974, dan satu rayuan telah dibuat ke Mahkamah Persekutuan. Tarikh perbicaraan masih belum ditetapkan. Banyak bayaran yang boleh dibuat kepada sipiutang Syarikat adalah bergantung kepada keputusan rayuan itu. Selain daripada itu adalah harus bagi Pegawai Penerima mendapat kebenaran Mahkamah Tinggi untuk membayar sipiutang-sipiutang Syarikat di Malaysia daripada harta-harta yang

ada di Malaysia sebagaimana yang dikehendaki oleh Perintah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur pada 7-9-72. Dengan hal yang demikian tiada dapat ditentukan dengan keadaan sekarang bilakah masanya yang tepat bagi sipiutang-sipiutang itu dapat dibayar.

## KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

### Bilangan Kemalangan Jalanraya

4. **Tuan Richard Ho Ung Hun** minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan kemalangan jalanraya yang berlaku di antara lingkungan lima belas batu ke Utara dan Selatan Tanjung Malim dalam tahun 1970, 1971, 1972, 1973 dan sehingga bulan Jun, 1974 dan bilangan yang cedera dan maut.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Angka-angka kemalangan jalanraya dan mangsanya di antara lingkungan lima belas batu ke utara dan selatan Tanjung Malim bagi tahun 1970, 1971, 1972, 1973 dan sehingga bulan Jun, 1974 adalah seperti berikut:

| | *1970* | *1971* | *1972* | *1973* | *1974 sehingga bulan Jun* |
|---|---|---|---|---|---|
| Kemalangan .. | 84 | 115 | 94 | 120 | 68 |
| Mati .. .. | 21 | 28 | 19 | 32 | 6 |
| Cedera Parah .. | 19 | 23 | 28 | 39 | 21 |
| Cedera ringan .. | 79 | 83 | 95 | 125 | 71 |

### Kejadian Kecurian

5. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

(i) samada beliau sedar bahawa kerugian tahunan yang dialami oleh peniaga-peniaga kerana kejadian kecurian di pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang berjumlah berjuta-juta ringgit dan ini telah memburukkan nama kedua-dua pelabuhan di dalam wilayah ini serta menyebabkan ramai peniaga-peniaga tidak mengguna pelabuhan-pelabuhan ini; dan

(ii) samada Kementerian beliau akan menubuh satu Jawatankuasa Awam untuk menyiasat dan mencari jalan untuk menghapuskan nama buruk kedua pelabuhan ini kerana kejadian-kejadian kecurian.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya sedar akan kejadian kecurian yang berlaku di Pelabuhan Kelang dan Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang, tetapi tidaklah buruk seperti mana yang dikatakan. Sukacita dimaklumkan iaitu barang-barang sampai dan belum diterima di Pelabuhan adalah tidak dalam tanggungjawab Lembaga Pelabuhan Kelang atau Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Mungkin Y.B. dari Melaka mendapat tahu angka kerugian daripada peniaga-peniaga tetapi tidak diberitahu di mana kecurian itu berlaku. Oleh itu angka-angka tersebut tidak semestinya menunjukkan nilai jumlah kecurian di Lembaga Pelabuhan Kelang atau Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Bagi Lembaga Pelabuhan Kelang rekod tuntutan yang dibayar kepada pihak yang menuntut selepas siasatan dibuat adalah berkurangan dalam tahun 1973 berbanding dengan jumlah yang dibayar pada tahun 1972 sebanyak 70%.

Berhubung dengan tuduhan yang mengatakan kedua-dua Pelabuhan tersebut dipulaukan oleh pengguna-pengguna adalah tidak benar kerana didapati jumlah kargo yang kendalikan oleh Lembaga Pelabuhan Kelang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bertambah dalam jangka masa yang pertama dengan kadar purata 15% setahun.

## KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT

### Kelewatan Memberi Kebenaran

6. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengapa berlaku kelewatan dalam memberi kebenaran kepada Pegawai-pegawai kesatuan untuk memegang jawatan di dalam Kesatuan itu.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Persoalan tersebut tidak timbul.

The question does not arise.

### Kesatuan Sekerja

7. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan keanggotaan dalam setiap Kesatuan Sekerja bagi setiap tahun sejak Merdeka dalam tahun 1957, dan apa tindakan Kementerian beliau telah ambil untuk menggalak pekerja-pekerja Malaysia menjadi ahli dalam kesatuan sekerja.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Pendaftar Kesatuan Sekerja Malaysia ada mengeluarkan Lapuran Jabatannya pada tiap-tiap tahun dan dalam lapurannya itu ada didapati bilangan keanggotaan bagi setiap kesatuan sekerja. Maka Yang Berhormat bolehlah mendapatkan butir-butir itu dari Lapuran tersebut yang dicetak oleh Pencetak Kerajaan.

Kementerian saya adalah senantiasa memberi sebarang pertolongan, mengikut kehendak Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959, kepada pekerja-pekerja yang ingin menubuhkan kesatuan sekerja untuk mereka, atau sekiranya telah ada kesatuan sekerja yang sesuai bagi mereka itu, mereka itu dinasihatkan supaya memasuki kesatuan yang ada. Walau bagaimanapun dorongan untuk menubuhkan sesuatu kesatuan sekerja atau pekerja-pekerja itu untuk memasuki sesuatu kesatuan sekerja yang ada hendaklah datang dari mereka itu sendiri.

The Registrar of Trade Union publishes his Departmental Report annually and in such reports the number of memberships for every trade union is available. The Honourable Member may get the required information from the Report, which is published by the Government Printer.

My Ministry is consistently providing assistance, according to the requirements of the Trade Union Ordinance, 1959, to workers who wish to set up trade unions for themselves, or in cases where appropriate trade unions for them are already in existence, they are advised to join them. However, the initiative to set up trade unions or to join existing trade unions must first come from the workers themselves.

8. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengapakah Kesatuan Pekerja di dalam Kesatuan Sekerja belum lagi didaftarkan.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Kesatuan Sekerja tersebut telahpun didaftarkan di bawah perbekalan-perbekalan Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959.

The Union has been registered under the provisions of the Trade Unions Ordinance, 1959.

## KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

### Bilangan Rumah

9. **Tuan Chan Fu King** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan:

(i) jumlah bilangan rumah yang dijadual untuk dibina dalam masa Rancangan Malaysia Kedua;

(ii) jumlah bilangan rumah yang sudah dibina sehingga sekarang di bawah Rancangan Malaysia Kedua, dengan memberi angka-angka keasingan bagi setiap tahun mulai tahun 1971;

(iii) jumlah bilangan rumah yang dibina dalam masa Rancangan Malaysia Kedua; (*a*) oleh Kerajaan Pusat; (*b*) oleh setiap Kerajaan Negeri; dan

(iv) jumlah bilangan rumah yang akan dibina dan yang sudah dibina di kawasan bandar Melaka, Kampar, Teluk Anson, Sungai Siput dan Tanjung Malim oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui):**

(i) Jumlah bilangan rumah yang dijadualkan untuk dibina dari pinjaman Kerajaan Pusat dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ialah 18,525.

(ii) Jumlah bilangan rumah yang sudah dibina sehingga sekarang di bawah Rancangan Malaysia Kedua sejak tahun 1971 adalah seperti berikut:

| Tahun | | Jumlah Yunit Yang Disiarkan |
|---|---|---|
| 1971 | ... ... | 2,037 |
| 1972 | ... ... | 846 |
| 1973 | ... ... | 1,777 |
| | Jumlah ... | 4,660 |

(iii) Mengenai jumlah rumah-rumah murah awam yang dijadualkan untuk dibina dalam masa Rancangan Malaysia Kedua dengan wang pinjaman Kerajaan Pusat ialah 18,525. Pembinaan rumah-rumah ini adalah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan kuasa-kuasa tempatan. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan Pusat cuma

mengadakan pinjaman wang bagi membina rumah-rumah murah awam. Pembinaannya adalah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan kuasa-kuasa tempatan.

(iv) Jumlah bilangan rumah awam yang akan dibina dan yang sudah dibina menggunakan pinjaman wang dari Kerajaan Pusat di kawasan Bandar Melaka, Kampar, Teluk Anson, Sungai Siput dan Tanjung Malim dengan wang pinjaman Kerajaan Pusat ialah seperti berikut:

| | Yunit |
|---|---|
| *Bandar Melaka—* | |
| (i) Bukit Piatu (1968) ... | 284 |
| (ii) Bandar Hilir I (1969) ... | 151 |
| (iii) Bandar Hilir II (Approved in 1973 and expected to be completed: 1974) | 114 |
| (iv) Trengkara (Approved—1973. Expected to be completed: 1974) ... | 30 |
| Jumlah ... | 579 |
| *Kampar—* | |
| (i) Kampar I (1963) ... | 108 |
| (ii) Kampar II (1973) ... | 100 |
| Jumlah ... | 208 |
| *Teluk Anson—* | |
| (i) Teluk Anson (1964) ... | 126 |
| (ii) Teluk Anson (1968) ... | 222 |
| Jumlah ... | 348 |
| *Sungai Siput—* | |
| (i) Sg. Siput (1962) ... | 160 |
| (ii) Sg. Siput (1962) ... | 100 |
| (iii) Sg. Siput Utara II (Approved in 1974) ... | 110 |
| Jumlah ... | 370 |
| *Tanjung Malim—* | |
| (i) Tanjung Malim (1967) | 85 |
| Jumlah ... | 85 |

## KEMENTERIAN PELAJARAN

### Kampus Universiti

10. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk mendirikan sebuah Kampus Universiti di Negeri Melaka, sebagai salah satu daripada rancangan untuk membantu negeri-negeri yang mundur dan dengan itu membetulkan ketidakseimbangan di antara negeri-negeri di tanahair kita.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Buat masa ini, belum ada.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

### Sijil Kerakyatan—Borang "G"

11. **Tuan V. David** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) jumlah mereka yang memohon untuk mendapatkan sijil kerakyatan di bawah Borang "G" untuk tahun 1969, 1970, 1971, 1972 dan 1973 masing-masingnya;

(*b*) jumlah mereka yang telah mendapat sijil kerakyatan dari jumlah yang tersebut bagi tahun-tahun yang dinyatakan di atas; dan

(*c*) adakah benar bahawa pendaftaran kelahiran telah menjadi satu syarat dalam kebanyakan negeri-negeri Malaya selepas tahun 1922.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):**

(*a*) Jumlah mereka yang memohon untuk mendapat sijil warganegara di bawah Borang G untuk tahun 1969, 1970, 1971, 1972 dan 1973 ialah seperti berikut:

| *Tahun* | *Diterima* |
|---|---|
| 1969 ... ... | 6,907 |
| 1970 ... ... | 7,125 |
| 1971 ... ... | 4,513 |
| 1972 ... ... | 2,053 |
| 1973 ... ... | 1,447 |

(*b*) Jumlah mereka yang mendapat sijil kerakyatan bagi tahun-tahun di atas ialah seperti berikut:

| *Tahun* | *Dilulus* |
|---|---|
| 1969 ... ... | 4,716 |
| 1970 ... ... | 2,455 |
| 1971 ... ... | 1,834 |
| 1972 ... ... | 2,143 |
| 1973 ... ... | 2,074 |

(c) Tidak benar. Hanya dua buah negeri sahaja iaitu Trengganu dan Perlis yang menguatkuasakan undang-undang Pendaftaran Kelahiran selepas tahun 1922. Bagi negeri-negeri lain tarikh kuatkuasa adalah terlebih awal daripada itu.

**Orang-orang Tahanan**

12. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan nama, umur, jantina, pekerjaan dan alamat orang-orang yang telah ditahan sejak 1hb Januari, 1974 di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Bilangan orang yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 sejak 1hb Januari, 1974 sehingga ke hari ini ialah 29 orang dan daripada jumlah orang yang ditahan tersebut hanya terdapat seorang wanita sahaja.

Berkenaan dengan maklumat lain yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu bukanlah menjadi amalan Kementerian ini untuk memberikannya, demi kepentingan keselamatan diri dan untuk menjaga maruah orang-orang yang terlibat itu.

**Pengganas-pengganas Kominis—Maklumat**

13. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada, selepas Kerajaan kita mengadakan perhubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Rakyat Cina baru-baru ini, maklumat yang diberikan oleh rakyat kita kepada Kerajaan mengenai pergerakan pengganas-pengganas kominis di seluruh Malaysia semakin bertambah.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya suka menyatakan bahawa maklumat dan lapuran mengenai pergerakan pengganas kominis di seluruh Malaysia semakin bertambah. Tetapi, bertambahnya lapuran ini pada hemat saya ialah disebabkan oleh keyakinan rakyat terhadap Kerajaan dan kemahuan mereka bekerjasama dengan Kerajaan demi kepentingan keselamatan dan pembangunan.

## KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH

**Rancangan-rancangan FELDA**

14. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk menjadikan rancangan-rancangan FELDA bercorak berbilang kaum supaya membayangkan komposisi kaum dalam negara ini sejajar dengan objektif-objektif Rancangan Malaysia Kedua.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Sehingga 30hb Jun, 1974 FELDA telahpun menempatkan seramai 30,012 orang peneroka di Rancangan-rancangan FELDA. Dari jumlah itu 28,770 orang terdiri dari kaum Bumiputra, 649 dari kaum Cina, 560 orang dari kaum India dan 33 orang dari kaum-kaum yang lain.

Adalah menjadi dasar atau polisi Kerajaan untuk menempatkan warganegara Malaysia dari semua kaum yang berlatarbelakangkan sektor pertanian dan tidak mempunyai tanah untuk menjadi peserta-peserta di Rancangan FELDA dan bagi menjayakan dasar ini Kerajaan tidak mengenakan apa-apa sekatan kepada mana-mana kaum itu untuk memasuki Rancangan FELDA. Walau bagaimanapun faktor-faktor bagi menentukan samada sesuatu kaum itu sanggup memenuhi syarat-syarat yang utama seperti menerima konsep FELDA dan kesanggupan meninggalkan tempat asal mereka mestilah ditentukan terlebih dahulu. Dari pengalaman dan juga berdasarkan angka-angka yang tersebut di atas adalah didapati bahawa kaum-kaum dari gulungan yang bukan Bumiputra kurang berminat untuk menyertai rancangan-rancangan konsep FELDA yang dijalankan itu. Dari jumlah permohonan-permohonan yang sedang ditimbangkan sekarang ini, 76.77% adalah dari kaum Bumiputra, 12.07% dari kaum Cina dan 11.16% dari kaum India. Dari jumlah peratus ini adalah didapati bahawa permohonan-permohonan yang diterima dari kaum bukan Bumiputra ialah kurang dari 25%. Dengan ini maka jelaslah bahawa minat dan kesanggupan untuk menjadi peserta FELDA adalah faktor utama yang mengujudkan komposisi untuk kaum seperti yang ada sekarang. Saya percaya keadaan ini boleh berubah apabila kesedaran telah merata.

15490—3-2-75.